



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN

Pendidikan Prasekolah

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN

Pendidikan Prasekolah

Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

APRIL 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	ix
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	x
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	xi
Kata Pengantar.....	xii
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.....	3
Fokus	5
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Persekitaran Pembelajaran	8
Perancangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	9
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	9
Pelibatan Ibu Bapa	14
Murid Berkeperluan Khas	14

Elemen Merentas Kurikulum	15
Pentaksiran Sekolah.....	18
Organisasi Kandungan	20
Peruntukan Waktu Minimum.....	21
Peruntukan Waktu P&P.....	22
Tunjang Komunikasi	25
Bahasa Melayu	27
English Language.....	37
Bahasa Cina	45
Bahasa Tamil	52
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai	61
Pendidikan Islam	63
Pendidikan Moral	71
Tunjang Keterampilan Diri	79
Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika	87
Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan.....	89
Kreativiti dan Estetika....	98

Tunjang Sains dan Teknologi	105
Sains Awal	107
Matematik Awal	114
Tunjang Kemanusiaan	125
Standard Prestasi	133
Tafsiran Umum.....	134
Tunjang Komunikasi....	135
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai.....	141
Tunjang Keterampilan Diri.....	147
Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika.....	150
Tunjang Sains dan Teknologi.....	154
Tunjang Kemanusiaan.....	160
Panel Penggubal.....	162
Turut Menyumbang.....	166
Penghargaan.....	168



rukun Negara

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa. Penyemakan ini dilakukan bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah setanding dengan standard antarabangsa.

Kurikulum berasaskan standard yang diterjemahkan dalam KSPK 2017 mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Dokumen kurikulum ini dinamakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang dalam kerangka KSPK 2017 iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri.

KSPK 2017 mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 termasuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Usaha memasukkan Standard Pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusi Standard Pentaksiran, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu ilmu, kemahiran dan nilai, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSPK 2017. Semoga pelaksanaan KSPK 2017 mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia pendidikan. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan murid dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah wadah utama yang menjadi panduan guru dalam mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan prasekolah bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang.

KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK adalah berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri.

Antara perkara yang diberi penekanan dalam pengubalan KSPK ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dinyatakan secara eksplisit dalam penulisan Standard Pembelajaran. Guru perlu menterjemah Standard Pembelajaran dalam p&p di bilik darjah dengan penekanan kepada KBAT.

Perincian dalam dokumen ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan p&p secara berkesan. Aktiviti yang dirancang perlu memberi pengalaman yang menyuburkan dan menyeronokkan, melibatkan murid secara aktif serta selamat. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagai aktiviti berpanduan Standard Pembelajaran mengikut kesesuaian murid. Adalah diharapkan guru akan menghayati dan melaksanakan kehendak-kehendak sebagaimana yang terkandung dalam kurikulum ini agar matlamat dan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai.

Kandungan yang dipelajari di peringkat prasekolah pada asasnya merupakan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan murid sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya.

OBJEKTIF


Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan menyediakan peluang kepada murid untuk mencapai objektif seperti yang berikut:

1. Menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan.
2. Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
3. Mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
4. Menghargai dan peka terhadap budaya masyarakat Malaysia.
5. Menyayangi dan menghargai alam sekitar.
6. Memperkembangkan konsep sendiri yang positif dan keyakinan diri.
7. mempraktikkan amalan kesihatan, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan diri.
8. Mengembangkan daya kreatif dan estetika.
9. Mengaplikasikan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut

merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Tunjang Komunikasi

Tunjang Komunikasi menekankan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid prasekolah iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina/Tamil, mereka wajib mempelajari Bahasa Cina/Bahasa Tamil.

Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai

Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi keutamaan kepada aspek penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pendidikan Islam dipelajari oleh murid beragama Islam, manakala Pendidikan Moral dipelajari oleh murid bukan beragama Islam.

Tunjang Kemanusiaan

Tunjang Kemanusiaan menekankan kepada penguasaan ilmu dan amalan tentang kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global serta penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan.

Tunjang Keterampilan Diri

Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada perkembangan sosioemosi dan pembinaan kemahiran berinteraksi serta kemahiran sosial dalam kalangan murid. Pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum juga ditekankan dalam Tunjang ini.

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika menekankan perkembangan jasmani dan kesihatan untuk kesejahteraan diri serta pemupukan daya imaginasi, kreativiti, bakat dan apresiasi terhadap karya seni dalam kalangan murid. Tunjang ini melibatkan komponen Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan; serta Kreativiti dan Estetika.

Tunjang Sains dan Teknologi

Tunjang Sains dan Teknologi memberi penekanan kepada pengetahuan sains, kemahiran dan sikap saintifik; serta pengetahuan dan kemahiran matematik. Disiplin ilmu yang terkandung dalam tunjang ini ialah Sains Awal dan Matematik Awal.

FOKUS

Kurikulum Prasekolah berfokus untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan yakin. Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya.

KEMAHIRAN ABAD KE- 21

Satu daripada hasrat KSPK adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum prasekolah menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN

Persekitaran pembelajaran merujuk kepada suasana dan keadaan fizikal tempat di mana murid belajar dan guru mengajar. Ia merupakan salah satu elemen penting dalam pendidikan prasekolah dan perlu dirancang supaya persekitaran pembelajaran yang interaktif dan kondusif dapat diwujudkan.

Persekitaran pembelajaran yang baik dapat menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan, kawalan kelas yang terjamin, perhubungan guru-murid yang aktif dan menjamin keseronokan untuk murid belajar

Keselamatan dan kesihatan

- Ruang, perabot, peralatan dan bahan yang bersih dan selamat untuk digunakan.
- Pencahayaan dan pengudaraan yang sesuai.
- Persekitaran semula jadi yang selamat dan merangsang pembelajaran.

Susun atur

- Susun atur kelas mudah diubah mengikut perancangan p&p dari semasa ke semasa.

- Susun atur perabot dan peralatan yang sesuai memberi ruang yang mencukupi untuk murid menjalankan aktiviti dan bergerak bebas.
- Peralatan dan bahan yang disediakan diatur dengan kemas dan senang diakses oleh murid. Peralatan dan bahan ini diganti-gantikan untuk mengekalkan minat murid dan mencapai objektif pembelajaran.
- Hasil kerja murid perlu diberi keutamaan sebagai bahan pameran. Pameran hasil kerja murid bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan tetapi juga dapat menggalakkan mereka untuk menghasilkan lebih banyak karya.

Ruang pembelajaran

- Mewujudkan ruang pembelajaran dan menggunakannya secara optimum.
- Kelengkapan pusat pembelajaran mudah diakses, sesuai, mencukupi dan sentiasa dikemaskini berdasarkan keperluan p&p.
- Menyediakan pusat pembelajaran yang menggalakkan main secara kolaboratif dan juga individu.
- Melibatkan murid dalam mereka bentuk pusat pembelajaran.

PERANCANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Perancangan jangka masa panjang dan pendek bagi aktiviti p&p perlu dibuat berdasarkan keperluan kurikulum.
2. Perancangan jadual waktu berdasarkan perkembangan murid dan pelaksanaannya adalah fleksibel.
3. Perancangan aktiviti p&p hendaklah mengambil kira perkara berikut:
 - Kebolehan dan aras perkembangan kognitif-murid.
 - Memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan semasa menjalankan aktiviti.
 - Memberi peluang dan masa yang mencukupi kepada murid untuk menjalankan aktiviti penerokaan.
 - Menggunakan bahan maujud dalam p&p bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan.
 - Aktiviti p&p perlu pelbagai dan seimbang supaya pembelajaran murid lebih berkesan dan bermakna seperti: aktiviti dalam dan luar; aktiviti aktif dan pasif; aktiviti individu, kumpulan dan kelas; serta aktiviti berasaskan inisiatif murid dan aktiviti yang dirancang oleh guru.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam proses p&p, tidak ada satu kaedah dan strategi yang khusus dan terbaik untuk diaplikasikan di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian murid. Guru perlu bijak menggunakan pelbagai strategi p&p yang sesuai dengan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid supaya pembelajaran berkesan dan lebih bermakna.

Terdapat pelbagai strategi p&p yang boleh digunakan oleh guru antaranya ialah:

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Pembelajaran berpusatkan murid bermaksud penglibatan murid secara aktif dalam sesuatu aktiviti pembelajaran dan mereka diberi tanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri. Di bawah pembelajaran berpusatkan murid ini, murid memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran kerana pembelajaran digerakkan atas minat, dorongan dan keperluan murid. Murid juga diberi kebebasan untuk memilih jenis aktiviti, bahan dan masa semasa pembelajaran. Guru merupakan pemudahcara atau pembimbing yang memandu murid menjalankan aktiviti pembelajaran.

Belajar Melalui Bermain

Belajar melalui bermain adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam suasana yang bebas, selamat, mengembirakan dan bermakna. Pendekatan ini diberi penekanan dalam pendidikan prasekolah kerana bermain merupakan fitrah atau tingkahlaku semulajadi kanak-kanak. Melalui proses bermain mereka akan membuat penerokaan, penemuan dan pembinaan pengalaman secara langsung dan semulajadi. Melalui pendekatan ini, aspek perkembangan fizikal, sosial emosi, kognitif dan bahasa serta potensi kanak-kanak dapat ditingkatkan ke tahap yang maksimum.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

P&p berasaskan Inkuiri merupakan satu pendekatan di mana murid membina pengetahuan dan kefahaman sendiri melalui penyiasatan dan penerokaan berasaskan pengetahuan sedia ada. Pelaksanaan pendekatan ini adalah melalui pelbagai pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif bagi melahirkan murid yang berilmu dan berkemahiran berfikir aras tinggi. Proses p&p Inkuiri berfokus kepada *learning by doing* yang melibatkan murid

melaksanakan aktiviti penerokaan, penyiasatan, penyoalan, berfikir secara reflektif dan penemuan ilmu baharu.

Secara umumnya, Inkuiri mementingkan 'mengapa' dan 'bagaimana' berbanding dengan 'apa' terhadap sesuatu perkara atau kejadian. Selain daripada itu, Inkuiri dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif serta menggalakkan pembelajaran sendiri. Inkuiri juga dapat menimbulkan rasa ingin tahu dan menggalakkan murid untuk bertanya. Dalam masa yang sama murid akan membuat refleksi sepanjang proses pembelajaran.

Pendekatan Bersepadu

Pendekatan bersepadu adalah pendekatan yang menggabungkan dua atau lebih kemahiran yang perlu dikuasai murid dalam satu masa. Pendekatan ini akan dapat membantu murid untuk memahami hakikat kehidupan sebenar. Dalam kehidupan sebenar sesuatu itu saling berkaitan antara satu sama lain dan bukannya sesuatu yang terpisah-pisah. Selain daripada itu, guru hendaklah menggunakan pengalaman seharian murid dalam proses p&p.

Pembelajaran dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu dan tidak memisahkan pembelajaran kepada disiplin ilmu yang

berbeza-beza. Selain daripada kesepaduan antara disiplin ilmu, pendekatan ini juga melibatkan kesepaduan antara beberapa kemahiran, kemahiran dan nilai, kesepaduan antara tunjang, kesepaduan antara aktiviti serta pelbagai kaedah dan teknik.

Pembelajaran melalui pendekatan bersepadu dapat memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza dari segi perkembangan, minat dan kebolehan serta perbezaan dari segi latar belakang.

Pendekatan Bertema

Pendekatan bertema adalah pengurusan kurikulum dan pembelajaran melalui satu tema atau topik yang dipilih bersesuaian dengan masa, tempat, minat, latar belakang dan tahap perkembangan murid.

Pendekatan pengajaran bertema melibatkan perkara-perkara berikut:

- Penggunaan satu tema umum merentasi bidang pembelajaran.
- Pemilihan tema berdasarkan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik

- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran.
- Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih spesifik.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek adalah proses pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara terancang dalam jangka masa yang tertentu. Kaedah pengajaran ini menekankan kajian dalam bentuk projek sebagai cara murid memperolehi ilmu. Proses pembelajaran ini juga biasanya melibatkan kutipan serta analisis data dan persediaan satu laporan yang betul.

Antara ciri-ciri pembelajaran berasaskan projek ialah:

- Kaedah ini boleh dijalankan secara individu atau secara berkumpulan.
- Penilaiannya dijalankan pada setiap tahap proses sehinggalah ke tahap hasil yang siap.
- Interaksi guru dengan murid adalah berbentuk bimbingan dan perundingan pada setiap tahap proses (guru sebagai fasilitator)
- Proses ini melibatkan pengumpulan bahan, maklumat, data, memproses maklumat dan data, dan pelaporan hasil serta refleksi sendiri.

- Kaedah pembelajaran ini berasaskan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kebolehan murid.
- Berorientasikan dunia sebenar.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri merupakan satu pendekatan untuk memastikan semua murid menguasai objektif pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu pembelajaran sebelum berpindah ke pembelajaran seterusnya. Dengan kata lain, pendekatan ini berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari.

Melalui Pembelajaran Masteri, murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri serta dapat mempertingkatkan tahap penguasaan pembelajaran. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut keupayaannya, tindakan pengayaan dan pemulihan perlu dijadikan sebahagian daripada proses p&p. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi serta proses p&p yang berkualiti.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*.

Pembelajaran hanya akan berlaku apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baharu dengan cara yang bermakna dalam rangka minda mereka. Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan jika maklumat disampaikan dalam konteks yang pelbagai dan bermakna kepada murid. Penekanan perlu diberi kepada kepelbagaian persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Guru digalakkan memilih atau mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangkumi pelbagai pengalaman sama ada dalam konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Pembelajaran Berdasarkan Kepelbagaian Kecerdasan

Teori Kecerdasan Pelbagai merupakan satu teori yang penting kerana teori ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan bidang pendidikan. Setiap murid mempunyai pelbagai

kecerdasan dan cara murid berfikir, bertindak dan belajar adalah berlainan berbanding dengan murid yang lain.

Terdapat sekurang-kurangnya lapan jenis kecerdasan pelbagai antaranya ialah:

- kecerdasan verbal-linguistik: kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam bentuk lisan dan penulisan.
- kecerdasan logikal-matematik: kebolehan menggunakan nombor secara berkesan, mempunyai keupayaan logik, menaakul dan bijak berhujah
- kecerdasan visual-ruang: kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan
- kecerdasan kinestetik: kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan menyelesaikan masalah
- kecerdasan muzik: kebolehan mengesan irama dan lagu
- kecerdasan interpersonal: kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain
- kecerdasan intrapersonal: kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan kehendak
- kecerdasan naturalis: kebolehan mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan, galian dan binatang termasuk rumput dan batu-batuan serta pelbagai flora dan fauna.

Setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza, dengan adanya galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai, potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid dapat dikembangkan ke tahap optimum.

PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI SETEMPAT

1. Penerangan tentang kurikulum prasekolah dan pelaksanaannya kepada ibu bapa/penjaga perlu diadakan bagi mewujudkan kesedaran tentang pendidikan prasekolah dan kerjasama untuk memastikan p&p dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan.
2. Perkongsian maklumat antara guru dengan ibu bapa/penjaga untuk membantu pembelajaran murid dan memastikan kesinambungan p&p dari sekolah ke rumah dan sebaliknya.
3. Hubungan yang baik antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga dan komuniti setempat membantu memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

MURID BERKEPERLUAN KHAS

1. Guru perlu merancang strategi untuk menangani masalah pembelajaran bagi murid berkeperluan khas dengan mengenal pasti dan mengambil tindakan susulan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut:
 - Mengenal pasti tahap dan perbezaan pembelajaran murid supaya perancangan p&p dapat dibuat untuk memenuhi keperluan mereka.
 - Menyediakan portfolio untuk mengumpul hasil kerja dan merekod perkembangan dan pembelajaran murid.
 - Mempelbagaikan kandungan dan aktiviti pembelajaran supaya p&p berkesan.
 - Mengubah suai alat bantu belajar berdasarkan keperluan murid.
2. Guru boleh menggunakan Instrumen Menentukan Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPak) (4-6 Tahun) untuk mengesan murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Instrumen ini merupakan satu alat untuk mengesan murid yang berkebarangkalian mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas. Guru perlu berbincang dengan ibu bapa/penjaga jika didapati murid berkemungkinan mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas. Instrumen ini perlu

dibawa bersama ketika berjumpa pengamal perubatan sebagai bahan rujukan untuk pengesahan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:

- Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- Penggunaan teknologi dalam aktiviti P&P.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, memperbaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan

menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan

membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam p&p secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Pentaksiran di prasekolah adalah satu proses yang meliputi pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan pembelajaran murid. Ia merupakan perkara asas dan penting dalam proses p&p yang dijalankan secara berterusan.

Tujuan pentaksiran prasekolah adalah seperti berikut:

1. Mengesan pertumbuhan dan perkembangan murid bersesuaian dengan peringkat umur.
2. Mengenal pasti kecerdasan dan potensi murid bagi memperkukuh dan mempertingkatkan perkembangan secara menyeluruh.
3. Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa.
4. Memberi maklum balas kepada murid, ibu bapa/penjaga dan pentadbir sekolah tentang perkembangan dan pembelajaran murid dalam semua aspek yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.
5. Mengesan keberkesanan pengajaran guru serta peluang pembelajaran dan persekitaran yang disediakan.

6. Membantu guru merancang tindakan susulan yang berkesan untuk:

- Mengembangkan potensi murid ke tahap optimum.
- Membantu pembelajaran murid.
- Memperbaiki pengajaran guru.

Prinsip Pelaksanaan Pentaksiran Prasekolah

1. Pentaksiran dijalankan merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.
2. Pentaksiran dilaksanakan selari dengan tujuan yang telah ditetapkan.
3. Pentaksiran dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh persekolahan.
4. Kaedah pentaksiran harus sah dan sahih; sesuai dengan perkembangan murid; dan berasaskan kaedah saintifik.
 - Pentaksiran berasaskan kriteria dan bukan perbandingan antara murid.
 - Kaedah pentaksiran yang adalah pemerhatian berterusan dan penilaian hasil kerja murid. Ujian atau peperiksaan formal tidak harus dilaksanakan.

- Data yang dikumpulkan perlu dianalisis supaya pelaporan yang dibuat adalah sah dan sahih.
 - Dokumentasi pentaksiran perlu secara sistematik. Contoh rekod pentaksiran adalah seperti senarai semak, skala kadar, rekod anekdot, rekod berterusan, persampelan masa dan persampelan peristiwa.
5. Pentaksiran harus dijalankan dengan penuh beretika dan mengambil kira hak asasi kanak-kanak.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digubal dengan memberi penekanan kepada tiga bahagian utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Rajah 2: Organisasi DSKP

Peruntukan Waktu Minimum

Peruntukan waktu minimum pendidikan prasekolah hendaklah dipatuhi sebagaimana berikut:

1. Prasekolah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya empat jam sehari (termasuk masa rehat), iaitu, sejumlah 20 jam satu minggu. untuk kanak-kanak yang berumur 5+.
2. Prasekolah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya tiga setengah jam sehari (termasuk masa rehat), iaitu, sejumlah 17½ jam satu minggu untuk kanak-kanak yang berumur 4+.
3. Bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa *instructional* sekurang-kurangnya 600 minit seminggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
4. Bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa *instructional* sekurang-kurangnya 400 minit seminggu di kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
5. Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa *instructional* sekurang-kurangnya 600 minit seminggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
6. Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa *instructional* sekurang-kurangnya 400 minit seminggu di kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
7. Jika di dalam sesuatu prasekolah terdapat lima orang murid atau lebih yang beragama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru yang bertauliah, sekurang-kurangnya dua jam seminggu.
8. Jika di dalam sesuatu tadika terdapat lima orang murid atau lebih yang bukan beragama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Moral sekurang-kurangnya dua jam seminggu.

Peruntukan Waktu P&P

Perancangan aktiviti harian di prasekolah haruslah berdasarkan peruntukan waktu yang telah ditetapkan seperti di Jadual 3. Walau bagaimanapun, guru diberi keluwesan dalam menyusun jadual waktu p&p mengikut keperluan murid.

Jadual 3: Peruntukan Waktu di Prasekolah

Bil.	Bidang Pembelajaran	Peruntukan masa seminggu (minit) untuk kelas prasekolah yang bahasa pengantarnya	
		Bahasa Melayu	Bahasa Pengantar Lain
1.	Bahasa Melayu	60	60
2.	Bahasa Inggeris	60	60
3.	Bahasa Cina/Bahasa Tamil	-	60
4.	Aktiviti Luar	120	120
5.	Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	120	120
6.	Matematik Awal	40	40
7.	Pembelajaran Bersepadu	800	740
	Jumlah	1200	1200

Perincian berkaitan bidang pembelajaran dalam peruntukan waktu di prasekolah adalah sebagaimana berikut:

Pembelajaran Bersepadu

Pembelajaran Bersepadu memberi peluang kepada murid memperoleh pengalaman pembelajaran sendiri yang lebih bermakna. Guru perlu mengintegrasikan tunjang, kemahiran dan nilai dalam p&p. Pembelajaran Bersepadu termasuk:

1. Aktiviti rutin

Aktiviti rutin adalah aktiviti yang dijalankan pada setiap hari dan diberi peruntukan masa yang khusus. Aktiviti ini merangkumi perbualan awal, rehat dan penutup.

Perbualan Awal

Perbualan Awal bertujuan untuk menyediakan murid dari aspek mental dan emosi untuk mengikuti pembelajaran pada hari tersebut dengan lebih berfokus. Aktiviti semasa perbualan awal seperti berkongsi idea dan maklumat; bercerita; menyanyi dan sebagainya dapat menambah kosa kata; dan meningkatkan kemahiran bersosialisasi serta menggalakkan pelibatan murid secara aktif. Waktu yang diperuntukkan untuk sesi perbualan awal ialah 20 minit sehari.

Rehat

Dalam pendidikan prasekolah, rehat merupakan sebahagian daripada p&p. Waktu rehat diperuntukan untuk murid prasekolah makan dan minum serta merehatkan minda dan fizikal mereka. Waktu rehat boleh dimanfaatkan dengan melibatkan murid dalam membantu penyediaan makanan dan tempat makan. Aspek pengurusan diri, adab makan dan pemakanan yang sihat serta seimbang perlu diberi penekanan semasa rehat. Masa yang diperuntukkan untuk waktu rehat ialah 30 minit sehari.

Aktiviti Penutup

Aktiviti penutup memberi peluang kepada guru dan murid membuat refleksi terhadap pembelajaran dan perkara yang telah berlaku pada hari tersebut. Selain itu, guru dan murid boleh berbincang tentang pembelajaran seterusnya. Masa yang diperuntukkan untuk aktiviti penutup ialah 10 minit sehari.

2. Aktiviti pembelajaran

Aktiviti pembelajaran memberi peluang kepada guru untuk memilih strategi p&p yang sesuai bagi memberi peluang kepada murid menjalankan penerokaan dan eksperimen,

menyelesaikan masalah serta menggalakkan pemikiran kritis. Terdapat pelbagai cara dan kaedah yang boleh digunakan, antaranya ialah pendekatan bertema, pendekatan projek dan penggunaan pusat pembelajaran.

Peruntukan waktu untuk aktiviti pembelajaran dalam Pembelajaran Bersepadu adalah:

- (i) 500 minit seminggu untuk Sekolah Kebangsaan.
- (ii) 440 minit seminggu untuk Sekolah Jenis Kebangsaan.

Aktiviti Luar

Aktiviti Luar bermaksud aktiviti yang dijalankan di luar kelas. Aktiviti Luar berhasrat untuk membina kecergasan dan merangsang kecerdasan murid. Aktiviti luar juga memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi dan meneroka persekitaran. Melalui aktiviti ini, kesedaran murid terhadap aspek keselamatan dan kesihatan dapat dibina serta kepekaan terhadap persekitaran dapat ditingkatkan. Aktiviti Luar perlu dilaksanakan setiap hari sebagaimana berikut:

1. Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal ialah aktiviti yang melibatkan pergerakan tubuh yang akan menggerakkan otot-otot dan memerlukan tenaga. Aktiviti fizikal sangat penting untuk perkembangan murid

dan merupakan asas kepada kesihatan dan kehidupan yang aktif. Selain daripada itu, aktiviti fizikal juga dapat membantu memupuk kecergasan badan, ketangkasan dan koordinasi serta perkembangan kognitif, kecekapan sosial dan kematangan emosi murid. Peruntukan masa untuk Aktiviti Fizikal ialah 30 minit bagi setiap sesi dan dilaksanakan 2 kali seminggu.

2. Main Bebas

Main bebas memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan secara bebas tentang apa, bila dan bagaimana untuk bermain. Mereka juga bebas untuk menentukan peraturan dan peranan semasa bermain. Banyak faedah kepada pembelajaran murid dari segi fizikal, emosi, kognitif dan kemahiran sosial semasa main bebas. Selain murid menikmati kegembiraan, murid juga belajar cara berinteraksi dan berunding dengan berkesan; berkongsi dan bekerjasama dengan orang lain; serta kemahiran menyelesaikan masalah.

Semasa main bebas, guru berperanan sebagai perancang, fasilitator, *play partner* dan pemerhati. Guru juga perlu bijak

menyediakan persekitaran supaya main bebas adalah berkesan dan bermakna. Peruntukan masa main bebas ialah 20 minit bagi setiap slot dan dilaksanakan 3 kali seminggu.

Pendidikan Islam/Pendidikan Moral

Peruntukan waktu Pendidikan Islam/Pendidikan Moral adalah 120 minit seminggu. Bagi kelas yang mempunyai lima atau lebih murid beragama Islam, Pendidikan Islam hendaklah diajar sekurang-kurangnya 120 minit seminggu oleh guru yang bertauliah. Manakala bagi kelas yang mempunyai lima atau lebih murid yang bukan beragama Islam, Pendidikan Moral perlu diajar sekurang-kurangnya 120 minit seminggu. Walau bagaimanapun, bagi kelas yang tidak mempunyai atau mempunyai kurang daripada 5 orang murid beragama Islam, peruntukan waktu bagi Pendidikan Moral boleh digabungkan dengan Pembelajaran Bersepadu.

**TUNJANG
KOMUNIKASI**

Tunjang Komunikasi terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Tunjang Komunikasi. Kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam kemahiran mendengar dan bertutur; kemahiran membaca; dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini adalah penting bagi memperkembangkan komunikasi lisan dan asas literasi murid untuk pembelajaran mereka seterusnya.

Di samping itu, aspek seni bahasa juga diterapkan dalam Tunjang ini. Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi.

BAHASA MELAYU

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Bahasa Melayu, murid boleh:

1. Memberi respons secara bertatasusila terhadap pelbagai bahan rangsangan yang didengar.
2. Berkomunikasi dan menyampaikan idea.
3. Membaca dan memahami ayat mudah.
4. Menulis perkataan, frasa dan ayat mudah.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR		
BM 1.1 Mendengar dan memberi respons terhadap pelbagai bunyi di persekitaran	Murid boleh: BM 1.1.1 Mengenal pasti pelbagai bunyi di persekitaran	Murid boleh: BM 1.1.2 Mengecam dan membezakan bunyi di persekitaran (i) manusia (ii) alam sekitar (iii) ciptaan manusia BM 1.1.3 Memberi respons terhadap bunyi yang didengar
BM 1.2 Mendengar, memahami dan memberi respons secara gerak laku dan lisan	Murid boleh: BM 1.2.1 Mendengar dan memberi respons terhadap cerita yang didengar BM 1.2.2 Mendengar dan menyanyi lagu BM 1.2.3 Mendengar, memahami dan memberi respons secara bertatasusila terhadap: (i) ucap selamat (ii) arahan yang mudah	Murid boleh: BM 1.2.4 Mendengar dan memberi respons dengan bertatasusila terhadap: (i) arahan (ii) soalan (iii) cerita BM 1.2.5 Mendengar dan melafazkan puisi dengan intonasi yang betul BM 1.2.6 Melafazkan puisi (i) pantun dua kerat (ii) sajak

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 1.3 Mendengar dan mengecam bunyi bahasa	Murid boleh: BM 1.3.1 Mendengar dan menyebut abjad BM 1.3.2 Mendengar, mengecam dan menyebut bunyi suku kata awal yang sama dalam perkataan BM 1.3.3 Mendengar, mengecam dan menyebut bunyi suku kata akhir yang sama dalam perkataan	Murid boleh: BM 1.3.4 Mendengar, mengecam dan menyebut perkataan BM 1.3.5 Menyebut dan memberi respons terhadap perkataan yang didengar
BM 1.4 Berinteraksi menggunakan ayat mudah	Murid boleh: BM 1.4.1 Mendengar dan menyebut ayat mudah secara bertatasusila BM 1.4.2 Berinteraksi menggunakan ayat mudah untuk: (i) meluahkan perasaan (ii) menyatakan permintaan BM 1.4.3 Bersoal jawab menggunakan ayat mudah	Murid boleh: BM 1.4.4 Berinteraksi menggunakan ayat mudah mengikut situasi BM 1.4.5 Berinteraksi menggunakan ayat mudah untuk: (i) memberi arahan (ii) memberi pandangan BM 1.4.6 Bersoal jawab menggunakan ayat mudah berdasarkan bahan rangsangan
BM 1.5 Bertutur untuk menyampaikan idea	Murid boleh: BM 1.5.1 Menyampaikan idea tentang sesuatu yang didengar, dilihat atau dialami	Murid boleh: BM 1.5.2 Menyampaikan idea secara kritis tentang sesuatu yang didengar, dilihat atau dialami

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 2.0 KEMAHIRAN MEMBACA		
BM 2.1 Menguasai kemahiran prabaca	Murid boleh: BM 2.1.1 Menyatakan lambang dan cetakan yang membawa makna tertentu BM 2.1.2 Mengenal pasti ciri-ciri fizikal buku: (i) judul (ii) gambar/Ilustrasi (iii) pengarang BM 2.1.3 Mengamalkan cara membaca yang betul: (i) dari kiri ke kanan (ii) dari atas ke bawah (iii) jarak antara mata dengan buku (iv) teknik memegang buku BM 2.1.4 Mengamalkan penjagaan buku dengan cara yang betul BM 2.1.5 Membaca secara olok-olok	
BM 2.2 Mengenal huruf abjad	Murid boleh: BM 2.2.1 Mengenal pasti abjad BM 2.2.2 Menyebut dan membunyikan huruf vokal	Murid boleh: BM 2.2.3 Mengenal pasti dan menyebut huruf kecil dan besar

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan	Murid boleh: BM 2.3.1 Membunyikan suku kata terbuka BM 2.3.2 Membunyikan suku kata tertutup	Murid boleh: BM 2.3.3 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka: (i) KV+KV (ii) KV+ KV+KV BM 2.3.4 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup: (i) KVK (ii) V+KV (iii) V+KVK (iv) KV+KVK (v) KVK+KV (vi) KVK+KVK
BM 2.4 Membaca dan memahami frasa dan ayat	Murid boleh: BM 2.4.1 Membaca frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka BM 2.4.2 Membaca ayat mudah yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka	Murid boleh: BM 2.4.3 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup BM 2.4.4 Membaca dan memahami ayat mudah dengan sebutan yang betul

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 2.5 Membaca dan memahami bahan bacaan	Murid boleh: BM 2.5.1 Membaca bahan bacaan mudah	Murid boleh: BM 2.5.1 Membaca dan menceritakan semula daripada bahan bacaan yang dibaca BM 2.5.2 Membaca dan meluahkan idea daripada bahan bacaan yang dibaca
BM 2.6 Memupuk bacaan luas	Murid boleh: BM 2.6.1 Memilih bahan bacaan yang digemari BM 2.6.2 Mengenal dan menamakan gambar dalam buku BM 2.6.3 Membaca perkataan yang terdapat dalam buku	Murid boleh: BM 2.6.4 Berkongsi bahan bacaan BM 2.6.5 Membaca bahan bacaan secara berkongsi dengan rakan BM 2.6.6 Membaca bahan bacaan dengan sendiri

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 3.0 KEMAHIRAN MENULIS		
BM 3.1 Menguasai kemahiran pratulis	Murid boleh: BM 3.1.1 Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis BM 3.1.2 Duduk dengan posisi yang betul semasa menulis BM 3.1.3 Membuat contengan dan lakaran menggunakan pelbagai alat tulis BM 3.1.4 Mengkoordinasikan pergerakan mata dengan tangan melalui lakaran bentuk, corak dan garisan secara bebas BM 3.1.5 Mengkoordinasikan pergerakan mata dengan tangan mengikut arah yang betul	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 3.2 Menguasai kemahiran menulis	Murid boleh: BM 3.2.1 Menulis huruf kecil dengan cara yang betul BM 3.2.2 Menulis huruf besar dengan cara yang betul BM 3.2.3 Menyalin perkataan BM 3.2.4 Menyalin frasa	Murid boleh: BM 3.2.5 Menyalin ayat mudah BM 3.2.6 Meluahkan idea dalam bentuk lukisan, simbol dan tulisan BM 3.2.7 Menulis perkataan dan frasa BM 3.2.8 Menulis ayat mudah

Senarai Suku Kata

Suku Kata		Contoh
Satu suku kata terbuka	KV	ba, ca, de, fi, gu, hi, ja, ku, lo, ma, ni, pu, ra, si, to
Dua suku kata terbuka	KV+KV	bapa, baca, batu, buku, bola, bahu, cuti, ciku, dagu, duri, feri, gigi, hari, jala, kuku, kuda, lori, lima, mata, meja, muka, nasi, paku, pasu, rusa, roti, susu, sagu, topi, raga
Tiga suku kata terbuka	KV+KV+KV	dahaga, kerusi, lelaki, kereta, kepala, mereka, cerita, tomato, telaga, kemeja
Satu suku kata tertutup	KVK	bot, bas, beg, cat, gam, gol, jam, jet, jus, kek, kot, lap, mop, pen, pin, tin, van, zip
Dua suku kata terbuka	V+KV	abu, apa, api, aku, alu, ini, itu, isi, ubi, ibu
Satu suku kata terbuka dan satu suku kata tertutup	V+KVK	adik, ayam, awan, akar, epal, emak, ekor, itik, ubat, otak
Satu suku kata terbuka dan satu suku kata tertutup	KV+KVK	bakul, bulan, bulat, cawan, cicak, dodol, datuk, gajah, garam, hutan, hitam, jalan, katil, kipas, lapan, lilin, mulut, masin, makan, nenek, pokok, siput
Satu suku kata tertutup dan satu suku kata terbuka	KVK+KV	kunci, lampu, lembu, pintu, teksi, kanta, kurma, bunga, baldi, bomba
Dua suku kata tertutup	KVK+KVK	biskut, kertas, masjid, coklat, sampan, bantal, kantin, tandas, cermin, mancis

GLOSARI

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
1	bacaan luas	Bacaan luas atau bacaan ekstensif merupakan satu kegiatan membaca yang dilakukan oleh murid secara bersendirian tanpa bimbingan guru. Bacaan luas ini bertujuan untuk mengukuhkan asas membaca; menambah kemahiran memahami dan menaakul isi bacaan; meningkatkan kepantasan membaca; serta membina dan mengukuh minat membaca.
2.	konsonan	Huruf selain vokal (b, d, f, ...).
3.	suku kata terbuka	Suku kata yang diakhiri dengan vokal.
4.	suku kata tertutup	Suku kata yang diakhiri dengan konsonan.
5.	vokal	Huruf hidup atau huruf saksi (a, e, i, o, u).

ENGLISH LANGUAGE

The learning experience will enable pupils to:

1. Listen and respond using appropriate verbal and non-verbal responses.
2. Communicate using simple sentences with manners.
3. Read and understand simple sentences.
4. Write words and phrases.

CONTENT STANDARD	LEARNING STANDARD	
	4+	5+
BI 1.0 LISTENING AND SPEAKING		
BI 1.1 Listen to and identify sounds	Pupils are able to: BI 1.1.1 Listen to and identify common sounds in the environment	Pupils are able to: BI 1.1.2 Listen to and respond to stimulus given: (i) environmental sounds (ii) voice sounds (iii) rhythm and rhyme (iv) alliteration BI 1.1.3 Listen to and identify rimes in nursery rhymes and songs

CONTENT STANDARD	LEARNING STANDARD	
	4+	5+
BI 1.2 Listen to and respond appropriately	Pupils are able to: BI 1.2.1 Listen to and recite nursery rhymes BI 1.2.2 Listen to and sing songs BI 1.2.3 Listen to and repeat greetings BI 1.2.4 Listen to and follow simple instructions BI 1.2.5 Listen to and enjoy simple stories	Pupils are able to: BI 1.2.6 Listen to and recite poems and rhymes BI 1.2.7 Listen to and respond to stories
BI 1.3 Listen to, understand and respond in a variety of contexts	Pupils are able to: BI 1.3.1 Use simple sentences to participate in daily conversations with manners to: (i) exchange greetings (ii) show appreciation (iii) introduce oneself (iv) express feelings (v) make simple request	Pupils are able to: BI 1.3.2 Talk about favourite things and activities BI 1.3.3 Listen to and respond to oral texts BI 1.3.4 Talk about familiar activities and experiences BI 1.3.5 Talk about stories heard BI 1.3.6 Role play familiar daily situations

CONTENT STANDARD	LEARNING STANDARD	
	4+	5+
BI 2.0 READING		
BI 2.1 Illustrate the correct manner in handling books	Pupils are able to: BI 2.1.1 Handle books carefully BI 2.1.2 Recognise the basic features of a book. BI 2.1.3 Read books in the correct manner: (i) left to right (ii) top to bottom (iii) distance between eyes and the book BI 2.1.4 Show awareness that print conveys meaning by doing pretend reading	

CONTENT STANDARD	LEARNING STANDARD	
	4+	5+
BI 2.2 Apply sounds of letters to recognise words	Pupils are able to: BI 2.2.1 Recognise letters of the alphabet by their: (i) shape (ii) name BI 2.2.2 Recognise small letters of the alphabet BI 2.2.3 Recognise capital letters of the alphabet BI 2.2.4 Name letters of the alphabet	Pupils are able to: BI 2.2.5 Recognise and sound out letters of the alphabet BI 2.2.6 Recognise and sound out initial, medial and ending sounds in a word BI 2.2.7 Blend phonemes (sounds) to form single syllable words
BI 2.3 Demonstrate understanding of a variety texts in the form of print and non-print materials	Pupils are able to: BI 2.3.1 Recognise and read logos and signs BI 2.3.2 Read familiar words printed in the surroundings	Pupils are able to: BI 2.3.3 Recognise and read high frequency/sight words BI 2.3.4 Read simple phrases BI 2.3.5 Read simple sentences
BI 2.4 Develop interest in reading independently for information and enjoyment	Pupils are able to: BI 2.4.1 Recognise and name pictures in books	Pupils are able to: BI 2.4.2 Read texts independently BI 2.4.3 Read and respond to texts read

CONTENT STANDARD	LEARNING STANDARD	
	4+	5+
BI 3.0 WRITING		
BI 3.1 Develop prewriting skills	Pupils are able to: BI 3.1.1 Demonstrate fine motor control of hands and fingers by using writing apparatus correctly BI 3.1.2 Demonstrate correct posture and pen hold grip BI 3.1.3 Engage in hand-eye coordination through scribbling, drawing lines and patterns	
BI 3.2 Develop writing skills	Pupils are able to: BI 3.2.1 Write recognisable letters BI 3.2.2 Copy and write small letters BI 3.2.3 Copy and write capital letters BI 3.2.4 Copy words in legible print	Pupils are able to: BI 3.2.5 Copy simple phrases in legible print BI 3.2.6 Copy simple sentences in legible print BI 3.2.7 Communicate ideas and information by using drawing, marks, symbols and writing with invented spelling BI 3.2.8 Write words and phrases in legible print

Suggested Word List According To Rhymes (Basic Phonics)

Rime	Word List	Rime	Word List
- at	cat, mat, sat, pat, bat, fat, rat, hat	- og	dog, jog, log
- ap	cap, lap, map, tap, nap	- et	jet, wet, net, pet
- an	fan, man, can, pan, van	- en	hen, pen, ten, men
- am	jam, yam, ram	- ed	bed, red
- in	bin, fin, pin, tin, win	- eg	leg, peg
- ip	dip, sip, lip, zip, hip	- ut	cut, hut, nut
- it	hit, kit, pit, sit	- un	bun, fun, gun, run, sun
- ig	big, dig, fig, wig	- um	gum, hum, mum
- ag	bag, rag, tag, wag	- ack	back, pack, rack, sack
- ad	mad, sad, pad, bad	- ick	tick, sick, lick, pick, quick
- ot	cot, dot, hot, not, pot	- ock	sock, lock, rock
- op	hop, mop, pop, top	- ill	fill, ill, pill, hill, bill
- od	cod, god, nod, pod, rod	- ell	bell, tell, well, yell, sell

Suggested High Frequency Words

a	can	got	he	they	put
are	did	this	she	may	no
I	be	that	it	here	too
am	for	go	his	me	so
at	get	her	in	out	was
an	do	they	is	my	to
yes	we	on	with	like	have
went					

GLOSSARY

No.	Term	Definition
1.	alliteration	The use of words that begin with the same sounds. Example: peas porridge pot.
3.	non-print material	Digital reading materials.
4.	print material	Printed matter is a term to describe printed material produced by printers or publishers, such as books, magazines, booklets, brochures and other publicity materials and in some cases, newspapers.
5.	rhythm and rhyme	A regular repeated pattern of sounds and words that rhyme. Example: nursery rhymes.

华语

华语是华族的母语，在我国多元种族的社会中有着重要的地位，它也是华文小学的教学媒介语，因此儿童需在学前掌握一定程度的华文，为在小学学习华文打好基础。本课程将让儿童掌握语言的基本技能，即听话、说话、阅读和书写，协助儿童积累新知识和新经验，同时使儿童能正确地使用华文来表达感受、分享生活经验，并有礼貌地与人沟通。

本课程通过活泼有趣的活动，如游戏、歌唱、会话、问答、表演、讲故事等语文活动，提高儿童学习华文的兴趣，加强语言的掌握。通过本课程，学生：

1. 养成良好的听话和说话习惯。
2. 乐于使用华文，有礼貌地与人沟通。
3. 初步掌握阅读的能力，对阅读产生兴趣。
4. 能初步以书面进行表达，对书面表达产生兴趣。

教学重点：

1. 学前教育不教汉语拼音、轻声、变调等语音知识，惟教师范读语音须标准。教师在进行听说教学时，提醒学生沟通时须要注意说话的礼貌和态度；措辞和说话内容；以及聆听者的身分。教师也应注意学生倾听技巧，训练学生的口头表达能力。
2. 阅读教学重视培养学生的阅读兴趣和习惯。教师应提供充足的读物及营造良好的阅读环境。课室内所置放的读物须适合学生程度并且是趣味的图书。
3. 识字是阅读的基础，也是学前教育语文教学的一个重点，必须力求到位。教师应不厌其烦地指导学生辨识字形相似、读音相近或其他容易出现混淆的字。介绍实物或图形和文字的关系，如：山 -  水 -  月 - 
4. 不要向学生介绍“独体字”、“合体字”、“象形字”等名词术语。
5. 识字容易写字难，识字教学，应该多识字，少写字，不可要求识写同步，以免拖慢识字的速度。识字教学需通过活动进行，避免教学枯燥单调。不能把写字当作识字教学的活动。学前班的教师可根据班级学生程度与主题进行选择或增减认识的生字。
6. 书写教学重视发展学生眼和手的机能及协调能力，在执笔和坐姿等方面养成良好的习惯，打好写字基础，并对写字产生兴趣。
7. 写字教学要求学生会使用田字格练习写字，掌握基本笔画和偏旁部首的写法，笔顺正确，并初步具有间架结构的意识。
8. 写字要贵精不贵多，不是每个教过的字都要写。每个字写 3 至 5 个。每一次的书写时间不宜持续超过 3-5 分钟。书写时间过长，学生精神不能集中，在执笔、坐姿、笔顺等各方面容易出错。出错了继续写下去就会养成不良的书写习惯。不要让学生写“笔画递增”的不完整的汉字。

9. 书写教学初步培养学生书面表达的能力，重视兴趣的培养。教学时应多鼓励、多称赞，让孩子喜欢表达、放胆表达，不必强调种种书写规矩，甚至允许学生用符号来代替文字。

内容标准	学习标准	
	4+	5+
BC 1.0 听说教学		
BC 1.1 专注且耐心地听话	学生能： BC 1.1.1 认识日常生活中所听到的声音 BC 1.1.2 辨别与模仿声音	
BC 1.2 聆听和理解指示与要求，做出适当的反应	学生能： BC 1.2.1 聆听及明白单项指示与要求，并作出适当的反应	学生能： BC 1.2.2 聆听及明白指示与要求，并作出适当的反应 BC 1.2.3 聆听会话后作出反应
BC 1.3 听读教材，理解主要内容	学生能： BC 1.3.1 聆听教材，根据内容作出反应	学生能： BC 1.3.2 聆听教材，根据内容作出适当的反应

内容标准	学习标准	
	4+	5+
BC 1.4 以口语参与互动，有礼貌地与人沟通	学生能： BC 1.4.1 有礼貌地向人请安问候 BC 1.4.2 讲述有关自己的事物	学生能： BC 1.4.3 有礼貌地提出要求 BC 1.4.4 讲述生活中所发生的事情 BC 1.4.5 针对事情说出看法
BC 1.5 针对有关情况发问和回答问题	学生能： BC 1.5.1 有礼貌地发问和回答问题	学生能： BC 1.5.2 针对不明白或感兴趣的事物发问 BC 1.5.3 针对有关情况发问和回答问题
BC 2.0 阅读教学		
BC 2.1 理解生活环境中的图像与符号	学生能： BC 2.1.1 理解符号中的具体物件内容 BC 2.1.2 知道能使用图像记录与说明	学生能： BC 2.1.3 以生活环境中的线索诠释符号的意义

内容标准	学习标准	
	4+	5+
BC 2.2 理解图画书的内容与功能	学生能： BC 2.2.1 知道各种讯息类文本的功能 BC 2.2.2 使用图像记录与说明	学生能： BC 2.2.3 理解故事角色、情节与内容 BC 2.2.4 辨认与欣赏创作者的图像细节
BC 2.3 认识汉字的基本知识	学生能： BC 2.3.1 认识汉字起源于图形 BC 2.3.2 认识汉字一字一音	学生能： BC 2.3.3 认识和说出基本笔画的名称 BC 2.3.4 认识基本部首和偏旁
BC 2.4 认识字词	学生能： BC 2.4.1 认识自己的姓名 BC 2.4.2 看图识字 BC 2.4.3 认识字词	学生能： BC 2.4.4 从教材中认识生字

内容标准	学习标准	
	4+	5+
BC 2.5 认读词语	学生能： BC 2.5.1 认读单字 BC 2.5.2 看图认读词语	学生能： BC 2.5.3 认读词语 BC 2.5.4 认读短语
BC 2.6 朗读句子	学生能： BC 2.6.1 朗读简单的句子	学生能： BC 2.6.2 以适当的语调朗读句子 BC 2.6.3 朗读儿歌与诗歌
BC 2.7 理解阅读材料	学生能： BC 2.7.1 根据教材回答问题 BC 2.7.2 以口述或绘画方式，表达教材内容	学生能： BC 2.7.3 根据教材进行问答活动 BC 2.7.4 聆听或阅读故事后，讲述故事内容
BC 2.8 培养阅读兴趣	学生能： BC 2.8.1 主动翻阅图书 BC 2.8.2 顺序翻阅书本	学生能： BC 2.8.3 主动翻阅图书，并乐于分享有关图书内容 BC 2.8.4 针对故事内容发问

内容标准	学习标准	
	4+	5+
BC 3.0 书写教学		
BC 3.1 发展眼和手的机能，做好写字前的准备	学生能： BC 3.1.1 灵活、准确地运用眼睛和手的协调能力	
BC 3.2 书写硬笔字	学生能： BC 3.2.1 正确的执笔 BC 3.2.2 以正确的坐姿写字 BC 3.2.3 正确地写出基本笔画	学生能： BC 3.2.4 以正确的方法写字。 (i) 笔画、笔顺正确 (ii) 字体整齐
BC 3.3 书面表达	学生能： BC 3.3.1 用图像或符号标示空间、物件或做记录	学生能： BC 3.3.2 用图像、符号或文字表达想法

தமிழ்மொழி

தமிழ்மொழிக் கற்றல் நடவடிக்கைகளுக்குப் பிறகு, மாணவர்கள்:

1. செவிமடுத்த பல்வேறு தூண்டல்களுக்குப் பண்புடன் துலங்குவர்.
2. எளிய வாக்கியங்களின்வழி தொடர்புகொள்வர்.
3. எளிய வாக்கியங்களை வாசிப்பர்; புரிந்துகொள்வர்.
4. சொற்கள், சொற்றொடர், எளிய வாக்கியங்கள் ஆகியவற்றை எழுதுவர்.

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 1.0 கேட்டல் திறனும் பேச்சுத் திறனும்		
BT 1.1 பல்வகை ஒலிகளை அறிவர்	மாணவர்கள்: BT 1.1.1 பிராணிகள் எழுப்பும் ஒலிகளை அறிவர் BT 1.1.2 இயற்கை ஒலிகளை அறிவர்	மாணவர்கள்: BT 1.1.3 செயற்கை ஒலிகளை அறிவர் BT 1.1.4 இசைக்கருவிகளின் ஒலிகளை அறிவர்

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 1.2 செவிமடுத்தவற்றைக் கூறுவர்; அதற்கேற்பத் துலங்குவர்	மாணவர்கள்: BT 1.2.1 செவிமடுத்த கட்டளையைக் கூறுவர்; அதற்கேற்பத் துலங்குவர் BT 1.2.2 செவிமடுத்த வேண்டுகோளைக் கூறுவர்; அதற்கேற்பத் துலங்குவர் BT 1.2.3 செவிமடுத்த சிறுவர் பாடலைப் பாடுவர் BT 1.2.4 செவிமடுத்த சந்தப் பாடலைப் பாடுவர்	மாணவர்கள்: BT 1.2.5 செவிமடுத்த கதையைக் கூறுவர் BT 1.2.6 செவிமடுத்த கதையைப் பற்றிய தகவல்களைக் கூறுவர் BT 1.2.7 செவிமடுத்த கதையின் பாத்திரங்களின் பண்புகளை விளக்குவர்
BT 1.3 எழுத்துகளை ஒலிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 1.3.1 உயிர் எழுத்துகளையும் ஆய்த எழுத்தையும் ஒலிப்பர் BT 1.3.2 மெய்யெழுத்துகளை ஒலிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 1.3.3 வல்லின உயிர்மெய் எழுத்துகளை ஒலிப்பர் BT 1.3.4 மெல்லின உயிர்மெய் எழுத்துகளை ஒலிப்பர் BT 1.3.5 இடையின உயிர்மெய் எழுத்துகளை ஒலிப்பர் BT 1.3.6 குறில், நெடில் எழுத்துகளை ஒலிப்பர்

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 1.4 சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 1.4.1 உயிரெழுத்துகள் கொண்ட சொற்களை உச்சரிப்பர் BT 1.4.2 வல்லின மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர் BT 1.4.3 மெல்லின மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர் BT 1.4.4 இடையின மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 1.4.5 வல்லின உயிர்மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர் BT 1.4.6 மெல்லின உயிர்மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர் BT 1.4.7 இடையின உயிர்மெய்யெழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர் BT 1.4.8 குறில், நெடில் சொற்களைச் சரியாக உச்சரிப்பர்
BT 1.5 பொருத்தமான சொல், சொற்றொடர், வாக்கியம் ஆகியவற்றைப் பயன்படுத்திப் பேசுவர்	மாணவர்கள்: BT 1.5.1 தன்னைப் பற்றிய சுய விவரங்களைக் கூறுவர் BT 1.5.2 குடும்ப உறுப்பினர்களின் உறவுப் பெயர்களைச் சரியாகப் பயன்படுத்திப் பேசுவர் BT 1.5.3 மரியாதைச் சொற்களைப் பயன்படுத்திப் பேசுவர்	மாணவர்கள்: BT 1.5.4 உறவினர்களின் உறவுப் பெயர்களைச் சரியாகப் பயன்படுத்திப் பேசுவர் BT 1.5.5 சூழலுக்கேற்ப எளிய வாக்கியங்களைப் பயன்படுத்திப் பேசுவர் BT 1.5.6 பாடத் துணைப்பொருளின் தூண்டலின்வழி எளிய வாக்கியங்களில் பதில் கூறுவர்

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 1.6 குழலுக்கேற்ப நடித்துக் காட்டுவர்		மாணவர்கள்: BT 1.6.1 கதாபாத்திரங்களை ஏற்று சரியான பாவனையில் நடித்துக் காட்டுவர்
BT 2.1 புத்தகத்தைச் சரியான முறையில் கையாள்வர்	மாணவர்கள்: BT 2.1.1 புத்தகத்தைக் கவனமாகக் கையாள்வர் BT 2.1.2 புத்தகத்தின் அடிப்படை அம்சங்களை அறிவர் BT 2.1.3 புத்தகத்தைச் சரியான முறையில் வாசிப்பர் (i) இடமிருந்து வலம் (ii) மேலிருந்து கீழ் (iii) கண் மற்றும் புத்தகத்திற்கு இடையிலான தூரம் BT 2.1.4 குறியீடுகள், அச்சடிக்கப்பட்டவைகள் ஆகியவற்றின் பொருளைக் கூறுவர்	

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 2.2 சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 2.2.1 உயிரெழுத்தில் தொடங்கும் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.2 மெய்யெழுத்தில் முடியும் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.3 உயிர்மெய் எழுத்துகளைக் கொண்ட சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர்	மாணவர்கள்: BT 2.2.4 குற்றெழுத்தில், நெட்டெழுத்தில் தொடங்கும் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.5 ஓரெழுத்துச் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.6 ஈரெழுத்துச் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.7 மூவெழுத்துச் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர் BT 2.2.8 சந்தச் சொற்களைச் சரியான உச்சரிப்புடன் வாசிப்பர்
BT 2.3 வாசித்துப் புரிந்து கொள்வர்	மாணவர்கள்: BT 2.3.1 சொல்லை வாசித்துப் புரிந்து கொள்வர் BT 2.3.2 சொற்றொடரை வாசித்துப் புரிந்து கொள்வர்	மாணவர்கள்: BT 2.3.3 எளிமையான சொற்களைக் கொண்ட வாக்கியங்களை வாசித்துப் புரிந்து கொள்வர்

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 3.1 எழுதுவதற்கான ஆயத்தப் பயிற்சிகள் செய்வர்	மாணவர்கள்: BT 3.1.1 கை இயக்கப் பயிற்சிகள் செய்வர் BT 3.1.2 கண்நகர் பயிற்சிகள் செய்வர் BT 3.1.3 கண்களையும் கைகளையும் ஒருங்கிணைக்கும் பயிற்சிகள் செய்வர் BT 3.1.4 எழுதுகோலைச் சரியாகப் பிடித்து எழுதுவர் BT 3.1.5 கொம்பு, வளைவு, சுழி, விலங்கு உள்ளடங்கிய தமிழ் எழுத்துகளுக்கேற்ற கோலங்கள் வரைவர்	
BT 3.2 சரியான வரிவடிவத்துடன் தூய்மையாக எழுதுவர்	மாணவர்கள்: BT 3.2.1 கொம்பு, வளைவு, சுழி, விலங்கு ஆகியவற்றைச் சரியான அளவுடன் எழுதுவர் BT 3.2.2 சரியான அளவு, இடைவெளி, வரிவடிவம் ஆகியவற்றுடன் தூய்மையாக எழுதுவர்	மாணவர்கள்: BT 3.2.3 சொற்களைப் பார்த்து எழுதுவர் BT 3.2.4 சொற்றொடர்களைப் பார்த்து எழுதுவர் BT 3.2.5 எளிமையான வாக்கியங்களைப் பார்த்து எழுதுவர்

உள்ளடக்கத் தரம்	கற்றல் தரம்	
	4+	5+
BT 3.3 சொல், சொற்றொடர், வாக்கியம் ஆகியவற்றை உருவாக்கி எழுதுவர்	மாணவர்கள்: BT 3.3.1 சொல்லை உருவாக்கி எழுதுவர் BT 3.3.2 சொற்றொடரை உருவாக்கி எழுதுவர்	மாணவர்கள்: BT 3.3.3 எளிய வாக்கியத்தை உருவாக்கி எழுதுவர்

சொற்களஞ்சியம்

<u>1.1.1</u> குரைக்கும் பிளிரும் கர்ஜிக்கும் கத்தும் கனைக்கும் சீறும்	<u>1.4.2</u> (வல்லினம்) கப்பல் கட்டு கட்டடம் தட்டு பட்டு பட்டம் அறம் விறகு இறகு கண் துப்பாக்கி துப்பு	<u>1.4.3</u> (மெல்லினம்) அன்னம் அம்மா நத்தை நண்டு மரம் மண் பெண் இஞ்சி இங்கு அங்கு சங்கு மங்கு தங்கு	<u>1.4.4</u> (இடையினம்) யாழ் அவர் இவர் ஐயா குரல் வரம் பழம் பலம் மூளை	<u>1.4.8</u> படி - பாடி தடி - தாடி மடு - மாடு மடி - மாடி பல் - பால் நகம் - நாகம்	<u>1.5.2</u> அம்மா அப்பா பாட்டி தாத்தா அண்ணன் தங்கை தம்பி அக்காள்	<u>1.5.4</u> பெரியப்பா பெரியம்மா சிறற்பா சித்தி மாமா அத்தை
<u>1.5.3</u> வணக்கம் மன்னிக்கவும் தயவுசெய்து வாருங்கள் அமருங்கள் செல்லுங்கள் தாருங்கள்	<u>2.1.1 / 2.1.4</u> வட்டம் சதுரம் செவ்வகம் முக்கோணம் முட்டை வடிவம் பிறை வடிவம் நட்சத்திர வடிவம்	<u>2.2.5</u> வா கை நா தா பை மா போ	<u>2.2.6</u> எலி நாய் ஏர் பூனை முடி கல் பல்	<u>2.2.7</u> தண்டு பள்ளி கிணறு சேவல் அணில் கொக்கு எருமை	<u>2.3.2</u> பாமா ஆடு பாப்பா படி ஆடிப் பாடு ஆடை அணி மாடிப்படி அம்மா அழகு பெரிய வீடு சிறிய வீடு	<u>2.3.2</u> பாப்பா பாடு மணிப்புறா காட்டுப்பகுதி புத்தகம் பார் வெள்ளைக்காலணி சுத்தம் செய் மாட்டுவண்டி பாடம் படி

TUNJANG KEROHANIAN, SIKAP DAN NILAI

PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam memberi penekanan terhadap penguasaan asas Al-Quran dan jawi, pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah, penyuburan adab dan akhlak dan pengenalan kepada sirah.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Pendidikan Islam, murid boleh:

1. Mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah.
2. Memahami asas beriman dan beribadah kepada Allah.
3. Mengenal sirah dan peribadi Rasulullah SAW serta berusaha mencontohinya.
4. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan.
5. Membaca suku kata dan menulis huruf jawi dengan betul.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 1.0 AL-QURAN		
PI 1.1 Mengetahui huruf hijaiyah	Murid boleh: PI 1.1.1 Menyebut huruf hijaiyah tunggal	Murid boleh: PI 1.1.2 Mengenal pasti dan menyebut bunyi huruf berbaris: (i) atas (<i>fathah</i>) (ii) bawah (<i>kasrah</i>) (iii) hadapan (<i>dhommah</i>)

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
PI 1.2	Menghafaz beberapa surah dari juzuk Amma	Murid boleh : PI 1.2.1 Menghafaz surah Al-Fatihah secara beradab	Murid boleh : PI 1.2.2 Menghafaz surah daripada Al- Quran secara beradab: (i) An-Nas (ii) Al-Ikhlash PI 1.2.3 Mengamalkan Surah Al-Fatihah, An-Nas dan Al-Ikhlash dalam kehidupan
PI 1.3	Mengetahui bahasa Arab mudah	Murid boleh : PI 1.3.1 Menyebut nombor 1 hingga 10 dalam bahasa Arab	Murid boleh : PI 1.3.2 Menyebut dan mengecam nombor 1 hingga 10 dalam bahasa Arab PI 1.3.3 Menyebut perkataan mudah dalam bahasa Arab
PI 2.0 AKIDAH			
PI 2.1	Mengamalkan kalimah syahadah sebagai asas keimanan kepada Allah	Murid boleh : PI 2.1.1 Menyebut kalimah لا إله إلا الله PI 2.1.2 Menyatakan maksud lafaz لا إله إلا الله	Murid boleh : PI 2.1.3 Menyebut kalimah syahadah: أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله PI 2.1.4 Menyatakan maksud kalimah syahadah PI 2.1.5 Mengamalkan kalimah syahadah dalam kehidupan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 2.2 Memahami asas beriman kepada Allah	Murid boleh : PI 2.2.1 Mengenal diri sebagai makhluk ciptaan Allah PI 2.2.2 Mengenal Allah sebagai pencipta: (i) menyebut kalimah Allah (ii) menyatakan tanda-tanda kebesaran Allah (iii) memuliakan kalimah Allah	Murid boleh : PI 2.2.3 Memuji kebesaran Allah dengan lafaz: (i) <i>Subhanallah</i> (سُبْحَانَ اللَّهِ) (ii) <i>Alhamdulillah</i> (الْحَمْدُ لِلَّهِ) (iii) <i>Allahu Akbar</i> (اللَّهُ أَكْبَرُ)
PI 2.3 Memahami maksud nama Allah (Asma'ul Husna)	Murid boleh : PI 2.3.1 Menyebut nama-nama Allah dan maksudnya: (i) <i>Ar-Rahman</i> (Maha Pemurah) (ii) <i>Ar-Rahim</i> (Maha Penyayang) (iii) <i>Al-Malik</i> (Maha Berkuasa) (iv) <i>Al-Hakim</i> (Maha Bijaksana) (v) <i>Al-Ghafur</i> (Maha Pengampun)	Murid boleh : PI 2.3.2 Menjelaskan nama-nama Allah dengan contoh: (i) <i>Ar-Rahman</i> (Maha Pemurah) (ii) <i>Ar-Rahim</i> (Maha Penyayang) (iii) <i>Al-Malik</i> (Maha Berkuasa) (iv) <i>Al-Hakim</i> (Maha Bijaksana) (v) <i>Al-Ghafur</i> (Maha Pengampun)
PI 2.4 Memahami Rukun Iman	Murid boleh : PI 2.4.1 Menyebut Rukun Iman: (i) beriman kepada Allah (ii) beriman kepada malaikat (iii) beriman kepada kitab (iv) beriman kepada rasul (v) beriman kepada hari kiamat (vi) beriman kepada qada' dan qadar	Murid boleh : PI 2.4.2 Menerangkan Rukun Iman

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 2.5 Memahami Rukun Islam	Murid boleh : PI 2.5.1 Menyebut Rukun Islam: (i) mengucap dua kalimah syahadah (ii) menunaikan solat lima waktu (iii) berpuasa di bulan Ramadan (iv) mengeluarkan zakat (v) menunaikan haji	Murid boleh : PI 2.5.2 Bercerita tentang amalan Rukun Islam dalam kehidupan
PI 3.0 IBADAH		
PI 3.1 Menunjuk cara bersuci dengan betul	Murid boleh : PI 3.1.1 Menyatakan cara bersuci daripada najis selepas: (i) buang air kecil (ii) buang air besar	Murid boleh : PI 3.1.2 Demonstrasi cara bersuci daripada najis selepas: (i) buang air kecil (ii) buang air besar PI 3.1.3 Menyatakan kepentingan bersuci daripada najis selepas membuang air kecil dan air besar
PI 3.2 Melakukan wuduk	Murid boleh : PI 3.2.1 Mengenal pasti anggota wuduk PI 3.2.2 Menunjukkan had anggota wuduk	Murid boleh : PI 3.2.3 Melafazkan niat wuduk dan maknanya dengan betul PI 3.2.4 Menyebut rukun wuduk PI 3.2.5 Melakukan wuduk dengan tertib dan beradab

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 3.3 Mengetahui solat fardu	Murid boleh : PI 3.3.1 Menyebut nama-nama solat fardu PI 3.3.2 Menyatakan waktu solat fardu	Murid boleh : PI 3.3.3 Menyatakan bilangan rakaat setiap solat fardu
PI 3.4 Melakukan simulasi dalam solat	Murid boleh : PI 3.4.1 Menunjukkan had aurat ketika solat PI 3.4.2 Menunjukkan perlakuan solat dengan betul - berdiri tegak, takbiratulihram, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyat dan salam PI 3.4.3 Melafazkan takbiratulihram	Murid boleh : PI 3.4.4 Melafazkan niat solat lima waktu PI 3.4.5 Menyebut bacaan semasa pergerakan dalam solat PI 3.4.6 Melaksanakan pergerakan solat dengan betul mengikut tertib
PI 3.5 Memahami ibadah puasa	Murid boleh : PI 3.5.1 Menyatakan maksud puasa PI 3.5.2 Memerihalkan tentang ibadah berpuasa (i) bulan Ramadan (ii) sahur (iii) berbuka	Murid boleh : PI 3.5.3 Menyatakan kebaikan berpuasa PI 3.5.4 Melafazkan niat puasa PI 3.5.5 Menyebut amalan-amalan yang dituntut dalam bulan puasa

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 4.0 SIRAH		
PI 4.1 Mengetahui Nabi Muhammad SAW dan keluarga baginda	Murid boleh : PI 4.1.1 Bercerita tentang Nabi Muhammad SAW	Murid boleh : PI 4.1.2 Menyatakan nama ahli keluarga baginda yang terdekat: (i) ibu (Aminah) (ii) bapa (Abdullah) (iii) datuk (Abdul Mutalib) (iv) bapa saudara (Abu Talib)
PI 4.2 Memahami peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW	Murid boleh : PI 4.2.1 Bercerita tentang peristiwa tentera bergajah	Murid boleh : PI 4.2.2 Memerihalkan peristiwa semasa kelahiran Nabi Muhammad SAW PI 4.2.3 Menyatakan pengajaran daripada peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW
PI 4.3 Mengamalkan akhlak dan sifat Nabi Muhammad SAW	Murid boleh : PI 4.3.1 Menyebut akhlak Nabi Muhammad SAW: (i) rajin (ii) sabar (iii) penyayang	Murid boleh : PI 4.3.2 Menjelaskan sifat Nabi Muhammad SAW: (i) <i>Siddiq</i> (bercakap benar) (ii) <i>Amanah</i> (boleh dipercayai) (iii) <i>Tabligh</i> (menyampaikan) (iv) <i>Fatonah</i> (bijaksana) PI 4.3.3 Mengamalkan akhlak dan sifat Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 5.0 AKHLAK		
PI 5.1 Mengaplikasikan adab dalam kehidupan	Murid boleh : PI 5.1.1 Mengamalkan lafaz <i>basmalah</i> dan <i>hamdalah</i> dalam setiap perbuatan yang baik PI 5.1.2 Menunjukkan adab makan dan minum PI 5.1.3 Menunjukkan adab terhadap: (i) ibu bapa (ii) ahli keluarga (iii) guru (iv) rakan sebaya (v) tempat beribadah	Murid boleh : PI 5.1.4 Melafazkan doa dalam amalan harian PI 5.1.5 Menunjukkan adab masuk dan keluar tandas PI 5.1.6 Membezakan makanan dan minuman halal dan haram PI 5.1.7 Menyatakan makanan sunnah PI 5.1.8 Membincangkan kepentingan mengamalkan adab dalam kehidupan
PI 6.0 JAWI		
PI 6.1 Mengetahui huruf jawi	Murid boleh : PI 6.1.1 Menyebut huruf-huruf jawi	Murid boleh : PI 6.1.2 Mengenal pasti bentuk huruf jawi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PI 6.2 Membaca perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka	Murid boleh : PI 6.2.1 Membeda-bahagikan huruf-huruf jawi yang bertemu dengan huruf vokal alif	Murid boleh : PI 6.2.2 Membeda-bahagikan huruf-huruf jawi yang bertemu dengan huruf vokal wau dan ya PI 6.2.3 Membaca suku kata terbuka PI 6.2.4 Membaca perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka
PI 6.3 Menulis huruf jawi	Murid boleh : PI 6.3.1 Mengkoordinasikan pergerakan mata dengan tangan melalui lakaran bentuk, corak dan garisan mengikut arah dari kanan ke kiri	Murid boleh : PI 6.3.2 Menulis huruf jawi tunggal PI 6.3.3 Menyalin perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka

PENDIDIKAN MORAL

Pendidikan Moral memfokuskan pembentukan insan berakhlak mulia dengan berteraskan tiga domain iaitu:

1. Penaakulan Moral
Keupayaan mental untuk mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah.
2. Emosi Moral
Kesedaran perasaan moral melahirkan kesedaran untuk berkelakuan baik dan betul yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Perasaan moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain.
3. Perlakuan Moral
Tindakan moral yang ada kaitan antara penaakulan moral dan emosi moral secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti.

Ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan dengan 14 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai-nilai murni yang diterima dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran Pendidikan Moral, murid boleh:

1. Mengetahui dan memahami amalan nilai masyarakat Malaysia.
2. Menghayati dan mengamalkan budi pekerti mulia dalam kehidupan seharian.
3. Mengeratkan hubungan dengan anggota masyarakat ke arah mengukuhkan perpaduan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PM 1.0 KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN		
PM 1.1 Mengetahui kewujudan Tuhan	Murid boleh : PM 1.1.1 Menyatakan ciptaan Tuhan	Murid boleh : PM 1.1.2 Bercerita tentang ciptaan Tuhan PM 1.1.3 Menunjukkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan
PM 1.2 Mengetahui agama atau kepercayaan kaum di Malaysia	Murid boleh : PM 1.2.1 Menyatakan agama atau kepercayaan diri	Murid boleh : PM 1.2.2 Bercerita tentang agama atau kepercayaan kaum di Malaysia
PM 2.0 BAIK HATI		
PM 2.1 Mengamalkan sikap membantu orang lain	Murid boleh : PM 2.1.1 Memberi bantuan kepada rakan dan guru PM2.1.2 Menyatakan kebaikan membantu orang lain	Murid boleh : PM 2.1.3 Bercerita pengalaman membantu ahli keluarga PM 2.1.4 Membantu orang lain yang memerlukan bantuan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PM 3.0 BERTANGGUNGJAWAB		
PM 3.1 Melaksanakan tanggungjawab diri	Murid boleh : PM 3.1.1 Bercerita mengenai tanggungjawab diri PM 3.1.2 Mengamalkan tanggungjawab terhadap diri sendiri	Murid boleh : PM 3.1.3 Menyatakan tanggungjawab di rumah PM 3.1.4 Melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan di kelas
PM 4.0 BERTERIMA KASIH		
PM 4.1 Menunjukkan sikap berterima kasih atas pemberian, bantuan dan jasa yang diterima	Murid boleh : PM 4.1.1 Mengucapkan terima kasih secara lisan dan bertulis	Murid boleh : PM 4.1.2 Menunjukkan pelbagai cara menyatakan penghargaan atas jasa, bantuan atau pemberian yang diterima
PM 5.0 HEMAH TINGGI		
PM 5.1 Mengamalkan sikap sopan dalam pertuturan dan tingkah laku	Murid boleh : PM 5.1.1 Mencontohi pertuturan dan tingkah laku yang sopan	Murid boleh : PM 5.1.2 Bersopan dalam pertuturan dan tingkah laku dengan orang lain

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PM 6.0 HORMAT		
PM 6.1 Mengamalkan sikap hormat	Murid boleh : PM 6.1.1 Mencontohi sikap menghormati orang lain	Murid boleh : PM 6.1.2 Menyatakan cara menunjukkan sikap hormat dalam pelbagai situasi PM 6.1.3 Menunjukkan sikap hormat kepada orang lain
PM 7.0 KASIH SAYANG		
PM 7.1 Menyayangi diri sendiri, orang lain dan haiwan	Murid boleh : PM 7.1.1 Menceritakan cara menunjukkan kasih sayang terhadap diri sendiri, orang lain dan haiwan	Murid boleh : PM 7.1.2 Menunjukkan kasih sayang terhadap diri sendiri, orang lain dan haiwan
PM 8.0 KEADILAN		
PM 8.1 Mengamalkan sikap adil dalam pergaulan	Murid boleh : PM 8.1.1 Menyatakan contoh perbuatan yang adil	Murid boleh : PM 8.1.2 Mengenal pasti perlakuan adil dalam sesuatu tindakan PM 8.1.3 Menunjukkan sikap adil dalam sesuatu tindakan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PM 9.0 KEBERANIAN		
PM 9.1 Bersikap berani dalam kehidupan harian	Murid boleh : PM 9.1.1 Menunjukkan sikap berani untuk berinteraksi dengan orang lain	Murid boleh : PM 9.1.2 Menunjukkan sikap berani mencuba sesuatu tugas yang baharu
PM 10.0 KEJUJURAN		
PM 10.1 Menunjukkan sikap jujur dalam kehidupan	Murid boleh : PM 10.1.1 Memberikan contoh perlakuan jujur PM 10.1.2 Menyatakan kebaikan bersikap jujur	Murid boleh : PM 10.1.3 Mengenal pasti sikap jujur dalam pelbagai situasi PM 10.1.4 Bercakap benar dalam pertuturan dengan orang lain
PM 11.0 KERAJINAN		
PM 11.1 Bersikap rajin dalam kehidupan harian	Murid boleh : PM 11.1.1 Memberi contoh sikap rajin dalam pelbagai situasi	Murid boleh : PM 11.1.2 Mengamalkan sikap rajin dalam melaksanakan tugas

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
PM 12.0 KERJASAMA		
PM 12.1 Bekerjasama semasa melaksanakan tugas	Murid boleh : PM 12.1.1 Menunjukkan sikap bekerjasama dalam melaksanakan tugas	Murid boleh : PM 12.1.2 Menyatakan faedah bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas PM 12.1.3 Mengamalkan kerjasama dengan rakan dalam melaksanakan sesuatu tugas
PM 13.0 KESEDERHANAAN		
PM 13.1 Mengamalkan sikap kesederhanaan dalam kehidupan	Murid boleh : PM 13.1.1 Menyatakan cara berjimat cermat dalam menggunakan alatan dan sumber	Murid boleh : PM 13.1.2 Membincangkan faedah berjimat cermat menggunakan alatan dan sumber PM 13.1.3 Menunjukkan sikap berjimat cermat menggunakan alatan dan sumber
PM 14.0 TOLERANSI		
PM 14.1 Mengamalkan sikap bertoleransi dalam pergaulan	Murid boleh : PM 14.1.1 Menyatakan contoh sikap bertoleransi dalam pergaulan dengan rakan	Murid boleh : PM 14.1.2 Menunjukkan sikap bertoleransi dengan rakan

Senarai Nilai Murni dan Penerangannya:

Nilai Murni	Maksud Nilai
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Baik Hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.

Nilai Murni	Maksud Nilai
Keadilan	Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

**TUNJANG
KETERAMPILAN DIRI**

Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada mengenali dan mengurus emosi sendiri; serta membina kemahiran sosial. Perkembangan ini penting kerana ia menjadi asas kepada pembinaan konsep sendiri yang positif dan seterusnya membolehkan murid menangani cabaran dalam kehidupan.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Tunjang Keterampilan Diri, murid boleh:

1. Mengenali diri sendiri.
2. Mengurus emosi dan mengawal tingkah laku sendiri.
3. Menghormati kepelbagaian emosi dan pandangan orang lain.
4. Membina kemahiran sosial dalam kehidupan bermasyarakat.
5. Membina keyakinan dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Guru bertanggungjawab membina kemahiran sosioemosi murid secara berkesan dengan mewujudkan peluang pembelajaran melalui pelaksanaan rutin harian, interaksi, penyediaan persekitaran kelas dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang atau secara spontan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KD 1.0 MENGENALI DAN MENGURUS EMOSI		
KD 1.1 Mengenali dan mengurus emosi sendiri	Murid boleh : KD 1.1.1 Mengenal pasti dan menceritakan pengalaman emosi yang melibatkan perasaan gembira, sedih, takut, marah dan malu KD 1.1.2 Menyatakan sesuatu yang disukai dan yang tidak disukai KD 1.1.3 Menyatakan emosi mengikut situasi	Murid boleh : KD 1.1.4 Menceritakan perasaan sendiri kepada orang lain mengenai sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku melalui pelbagai cara KD 1.1.5 Mengurus emosi dengan memilih tindakan yang sesuai
KD 1.2 Mengenali emosi orang lain	Murid boleh : KD 1.2.1 Mengenal pasti emosi orang lain berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan	Murid boleh : KD 1.2.2 Mengenal pasti emosi orang lain berdasarkan pernyataan perasaan atau peristiwa yang telah berlaku KD 1.2.3 Membezakan emosi antara individu dalam situasi yang tertentu

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KD 2.0 MENCAPAI EMOSI YANG POSITIF		
KD 2.1 Membina konsep sendiri	Murid boleh : KD 2.1.1 Menunjukkan sikap positif iaitu: (i) sabar (ii) berdikari (iii) berkeyakinan (iv) tolong-menolong (v) belas kasihan (vi) kecedan	Murid boleh : KD 2.1.2 Menunjukkan sikap positif iaitu: (i) kekitaan (ii) setia kawan (iii) empati
KD 2.2 Membina kebolehan mengawal diri	Murid boleh : KD 2.2.1 Membezakan antara kehendak yang diinginkan dengan keperluan untuk membuat pemilihan dalam sesuatu situasi	Murid boleh : KD 2.2.2 Menyatakan cara mengurus emosi secara positif dalam situasi yang tidak menyenangkan KD 2.2.3 Menunjukkan sikap sabar semasa berdepan dengan situasi yang tidak menyenangkan
KD 2.3 Membina keyakinan untuk berkomunikasi	Murid boleh : KD 2.3.1 Bertutur dengan yakin KD 2.3.2 Bertanya dengan yakin	Murid boleh : KD 2.3.3 Berinteraksi dengan yakin KD 2.3.4 Bercerita dan memberi pendapat dengan yakin KD 2.3.5 Menunjukkan kebolehan sendiri melalui pelbagai kaedah komunikasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KD 3.0 MEMBINA KEMAHIRAN SOSIAL		
KD 3.1 Memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain	Murid boleh : KD 3.1.1 Menunjukkan kepekaan terhadap keperluan orang lain dan bertindak sewajarnya KD 3.1.2 Menyatakan perasaan orang lain berdasarkan gerak laku yang ditunjukkannya	Murid boleh : KD 3.1.3 Menunjukkan sikap menghormati perasaan dan pandangan orang lain
KD 3.2 Menggunakan kemahiran sosial dalam hubungan dengan orang lain	Murid boleh : KD 3.2.1 Menghormati hak milik orang lain KD 3.2.2 Berkongsi alat dan bahan dengan orang lain semasa melaksanakan aktiviti KD 3.2.3 Menunjukkan kebolehan menyertai sesuatu permainan yang sedang berlangsung (<i>play entry</i>)	Murid boleh : KD 3.2.4 Menyatakan persetujuan dan ketidakpuasan hati tentang sesuatu perkara dengan berhemah KD 3.2.5 Menyesuaikan diri dengan situasi tertentu untuk bersosialisasi. KD 3.2.6 Mengamalkan etika sosial dalam perhubungan

GLOSARI

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
1.	etika sosial	Segala yang berkaitan dengan ilmu dan nilai bermasyarakat.
2.	kemahiran sosial	Keupayaan untuk menghasilkan tingkahlaku atau respons yang sesuai secara lisan atau bukan lisan dalam proses berinteraksi.
3.	konsep sendiri	Gambaran atau pandangan seseorang ke atas dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif.

TUNJANG PERKEMBANGAN FIZIKAL DAN ESTETIKA

PERKEMBANGAN FIZIKAL DAN PENJAGAAN KESIHATAN

Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan terdiri daripada:

1. Perkembangan Fizikal

Perkembangan fizikal meliputi kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar, kemahiran manipulatif dan pergerakan berirama yang merupakan asas kepada pelbagai pergerakan kompleks yang diperlukan dalam kehidupan. Perkembangan fizikal sangat penting terhadap kecergasan badan, kecerdasan minda, ketangkasan, koordinasi dan kesihatan murid.

2. Penjagaan Kesihatan

Penjagaan Kesihatan memberi penekanan kepada Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS). Kesedaran mengenai kesihatan, keselamatan dan pemakanan perlu diterapkan dari peringkat awal lagi supaya dapat menjadi amalan dalam kehidupan seharian murid.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan, murid boleh:

- (i) Melakukan pelbagai pergerakan motor halus dan motor kasar.
- (ii) Melakukan pergerakan dengan imbalan dan kawalan.
- (iii) Meneroka pelbagai pergerakan.
- (iv) Melakukan pelbagai kemahiran manipulasi.
- (v) Mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui pemakanan yang seimbang dan penjagaan kebersihan diri.
- (vi) Melindungi diri dan memahami kepentingan menjaga keselamatan diri.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
FK 1.0 PERKEMBANGAN MOTOR HALUS		
FK 1.1 Meneroka pelbagai aktiviti yang melibatkan motor halus	Murid boleh : FK 1.1.1 Menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan penggunaan motor halus FK 1.1.2 Menunjukkan koordinasi mata dan tangan dan kemahiran motor halus melalui pelbagai aktiviti	Murid boleh : FK 1.1.3 Menggunakan kemahiran motor halus melalui aktiviti yang melibatkan alatan
FK 2.0 PERKEMBANGAN MOTOR KASAR		
FK 2.1 Meneroka pelbagai pergerakan (kesedaran ruang)	Murid boleh : FK 2.1.1 Melakukan pergerakan dalam: (i) ruang diri (ii) ruang am FK 2.1.2 Melakukan pergerakan pada pelbagai aras: (i) tinggi (ii) sederhana (iii) rendah FK 2.1.3 Melakukan pergerakan mengikut arah	Murid boleh : FK 2.1.4 Melakukan pergerakan dalam laluan: (i) lurus (ii) melengkung (iii) spiral (iv) zig-zag FK 2.1.5 Melakukan pergerakan yang berbeza kelajuan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
FK 2.2 Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor	Murid boleh : FK 2.2.1 Melakukan pergerakan: (i) berjalan (ii) berlari (iii) melompat (iv) melompat sebelah kaki (v) mencongklang (<i>galloping</i>) (vi) menggelongsor (<i>sliding</i>) (vii) berskip FK 2.2.2 Melakukan gabungan pergerakan lokomotor	Murid boleh : FK 2.2.3 Melakukan pergerakan lokomotor dalam pelbagai: (i) arah (ii) aras (iii) laluan (iv) kelajuan
FK 2.3 Melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor	Murid boleh : FK 2.3.1 Melakukan pergerakan: (i) membongkok (ii) mengayun (iii) memusing (iv) mengilas	Murid boleh : FK 2.3.2 Melakukan pergerakan: (i) meregang (ii) menolak (iii) menarik (iv) mengimbang FK 2.3.3 Melakukan gabungan pergerakan bukan lokomotor

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
FK 3.0 KEMAHIRAN MANIPULASI		
FK 3.1 Melakukan pelbagai kemahiran manipulasi	Murid boleh : FK 3.1.1 Membaling objek ke sasaran FK 3.1.2 Menendang bola: (i) secara bebas (ii) ke sasaran	Murid boleh : FK 3.1.3 Menangkap objek yang dilambung sendiri FK 3.1.4 Menangkap objek yang dihantar oleh orang lain. FK 3.1.5 Menggolek objek ke sasaran
FK 4.0 PERGERAKAN BERIRAMA		
FK 4.1 Mengaplikasi pelbagai pergerakan mengikut irama	Murid boleh : FK 4.1.1 Melakukan pergerakan lokomotor mengikut muzik FK 4.1.2 Melakukan pergerakan bukan lokomotor mengikut muzik FK 4.1.3 Melakukan pergerakan bebas mengikut muzik	Murid boleh : FK 4.1.4 Mencipta pergerakan kreatif mengikut muzik menggunakan alatan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
FK 5.0 PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS)		
FK 5.1 Mengaplikasi kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif	Murid boleh : FK 5.1.1 Menyatakan cara menjaga kebersihan anggota tubuh dengan betul FK 5.1.2 Bercerita tentang kepentingan menjaga kebersihan: (i) diri (ii) pakaian (iii) peralatan peribadi FK 5.1.3 Mengetahui anggota tubuh lelaki dan perempuan: (i) kepala – rambut, mata, telinga, hidung, mulut, bibir & gigi (ii) badan – payu dara, dada, bahu & punggung (iii) tangan (iv) kaki (v) organ genital – zakar & faraj (vi) dubur	Murid boleh : FK 5.1.7 Mempraktikkan cara menjaga kebersihan: (i) anggota tubuh (ii) pakaian (iii) peralatan peribadi FK 5.1.8 Menerangkan cara menjaga kebersihan organ genital dengan betul FK 5.1.9 Mengamalkan kebersihan di : (i) kelas (ii) tempat tinggal (iii) tempat awam

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
	FK 5.1.4 Mengetahui sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa FK 5.1.5 Mengaplikasikan kemahiran berkata "TIDAK" kepada sentuhan yang tidak selesa dan tidak selamat FK 5.1.6 Menggunakan tandas dengan cara yang betul	
FK 5.2 Memahami jenis penyakit dan cara mencegah penyakit	Murid boleh : FK 5.2.1 Menunjukkan contoh cara untuk mengelakkan jangkitan penyakit	Murid boleh : FK 5.2.2 Menyatakan langkah-langkah pencegahan awal penyakit bawaan vektor

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
FK 5.3 Menjaga keselamatan diri dan mendemonstrasi kemahiran kecekapan psikososial dalam kehidupan harian	Murid boleh : FK 5.3.1 Memerihalkan sumber, tempat dan situasi yang berbahaya FK 5.3.2 Menyatakan tingkah laku betul yang boleh menjamin keselamatan diri dan orang lain FK 5.3.3 Menceritakan cara untuk mendapatkan bantuan semasa kecemasan	Murid boleh : FK 5.3.4 Mengenal pasti situasi yang berbahaya semasa di: (i) rumah (ii) sekolah (iii) taman permainan FK 5.3.5 Menunjuk cara penggunaan alatan dan bahan yang berbahaya dengan betul dan selamat FK 5.3.6 Menyatakan cara menyelesaikan masalah semasa menghadapi situasi yang tidak selamat
FK 6.0 PEMAKANAN		
FK 6.1 Mengamalkan pemakanan yang sihat dan selamat	Murid boleh : FK 6.1.1 Mengenal pasti makanan dan minuman yang selamat FK 6.1.2 Menceritakan kepentingan pemakanan yang sihat	Murid boleh : FK 6.1.3 Menyatakan makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat FK 6.1.4 Mengamalkan pemakanan yang seimbang

GLOSARI

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
1.	bukan lokomotor	Kemahiran pergerakan yang melibatkan badan kekal di tempat yang sama tetapi memusing di sekitar paksi mendatar atau menegak. Contoh: membongkok, mengilas, mengimbang, meringkuk, mengayun, meregang, memusing, menarik dan menolak.
2.	kemahiran manipulasi	Keupayaan memberi dan menerima daya daripada sesuatu objek seperti membalung, menangkap, menggolek dan menendang.
3.	kemahiran motor halus	Kebolehan menggunakan otot kecil pada tangan, pergelangan tangan dan jari serta aplikasi koordinasi mata dengan tangan. Ia melibatkan keupayaan untuk menulis, memegang objek kecil dengan jari, meramas objek yang kecil, membutang baju, mengikat tali kasut dan lain-lain.
4.	kemahiran motor kasar	Kebolehan menggunakan otot besar yang terdapat pada badan untuk melakukan pergerakan tertentu seperti berjalan, berlari, melompat dan lain-lain.
5.	kesedaran ruang	Kawasan yang digunakan semasa melakukan pergerakan.
6.	lokomotor	Kemahiran pergerakan yang melibatkan perubahan tapak sokongan secara mendatar dan menegak. Kemahiran lokomotor digunakan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Contoh: berjalan, berlari, melompat, melompat sebelah kaki, mencongklang (<i>galloping</i>), menggelongsor (<i>sliding</i>) dan berskip.
7.	Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS)	Satu proses pembelajaran sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan yang menyeluruh dalam aspek biologi, sosiobudaya, psikologi dan kerohanian ke arah amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan.

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
8.	penyakit bawaan vektor	Penyakit yang disebabkan oleh mana-mana agen (orang, haiwan atau mikroorganisma) yang membawa dan memindahkan patogen berjangkit ke dalam organisma hidup lain.
9.	pergerakan berirama	Memberi penekanan kepada kemahiran lokomotor dan bukan lokomotor mengikut muzik yang didengar.
10.	pergerakan mengikut arah	Pergerakan ke hadapan, ke belakang, ke kiri, ke kanan, ke atas dan ke bawah.
11.	pergerakan pada pelbagai aras	Melakukan pergerakan pada aras tinggi, sederhana dan rendah.
12.	ruang am	Ruang yang dilalui apabila bergerak dari A ke B.
13.	ruang diri	Ruang yang boleh dicapai di lokasi setempat.
14.	sentuhan selamat	Sentuhan yang membuatkan individu berasa dihargai, disayangi dan dihormati.
15.	sentuhan tidak selamat	Sentuhan tidak selamat membuatkan individu berasa diri atau perasaannya disakiti.
16.	sentuhan tidak selesa	Sentuhan yang tidak diingini oleh seseorang individu walaupun ia adalah sentuhan yang selamat. Sentuhan ini mungkin daripada orang yang dikenali atau tidak dikenali.

KREATIVITI DAN ESTETIKA

Kreativiti dan Estetika terdiri daripada Muzik, Drama dan Seni Visual.

1. Muzik

Muzik, gerakan dan drama di prasekolah merupakan asas kepada pendidikan muzik yang boleh dikembangkan melalui pelbagai aktiviti yang kreatif, menyeronokkan dan menghiburkan. Murid diberi peluang untuk menunjukkan bakat dan minat dalam meneroka melalui dunia muzik pada tahap perkembangan masing-masing.

2. Drama

Drama di prasekolah merupakan asas untuk murid meniru kehidupan mengikut plot yang terbina dari tiga perkara iaitu aksi, tempat dan masa. Murid akan diberi peluang untuk mengekspresi emosi melalui watak yang dilakonkan berdasarkan cerita serta menggunakan imaginasi mereka.

3. Seni Visual

Seni visual di prasekolah menekankan penghasilan karya kreatif dan menghargai hasil seni yang berasaskan empat bidang iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. Kesepaduan bidang ini akan memberi peluang kepada murid untuk memupuk minat, memperkembangkan keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan kepada nilai-nilai kesenian dan alam sekitar.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan kreativiti dan estetika, murid boleh:

- (i) Menghayati pelbagai jenis muzik.
- (ii) Melakukan gerakan mengikut muzik yang didengar.
- (iii) Melakonkan pelbagai watak berdasarkan cerita.
- (iv) Mengaplikasi pengetahuan dalam menghasilkan karya seni.
- (v) Menghasil karya seni secara kreatif dengan menggunakan pelbagai teknik dan bahan.

(vi) Menghargai karya seni ciptaan sendiri dan orang lain.

Kreativiti dan estetika dalam p&p prasekolah memberi peluang kepada murid memberi respons dalam aktiviti seni, muzik dan drama. Murid harus diberi dorongan untuk meluahkan perasaan tentang diri dan dunia di sekeliling mereka melalui muzik dan seni secara kreatif dan imaginatif. Aktiviti seni, muzik dan drama memberi peluang kepada murid untuk membuat penerokaan menggunakan pelbagai bahan dan teknik bagi tujuan meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti secara semulajadi. Selain daripada itu, murid juga harus diberi peluang untuk berkongsi idea, pandangan dan perasaan mereka tentang seni, muzik dan drama untuk membolehkan mereka menghargai seni.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KE 1.0 MUZIK		
KE 1.1 Menyanyikan lagu daripada pelbagai repertoire	Murid boleh :	Murid boleh :
	KE 1.1.1 Meniru pelbagai ton suara manusia: (i) bercakap (ii) memanggil (iii) berbisik (iv) bernyanyi (v) lelaki dan perempuan	KE 1.1.4 Menyanyikan lagu dengan: (i) sebutan yang betul dan jelas (ii) pic yang betul
	KE 1.1.2 Meniru pelbagai bunyi di persekitaran	
	KE 1.1.3 Menyanyikan lagu mengikut melodi	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KE 1.2 Memainkan alat muzik perkusi	Murid boleh : KE 1.2.1 Menghasilkan bunyi menggunakan perkusi badan KE 1.2.2 Meneroka alat muzik perkusi	Murid boleh : KE 1.2.3 Menghasilkan bunyi menggunakan pelbagai alat improvisasi secara kreatif
KE 1.3 Membuat pergerakan mengikut muzik	Murid boleh : KE 1.3.1 Melakukan pergerakan berdasarkan lirik lagu KE 1.3.2 Melakukan pergerakan mengikut tempo	Murid boleh : KE1.3.3 Melakukan pergerakan kreatif mengikut muzik
KE 1.4 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoir	Murid boleh : KE 1.4.1 Menunjukkan ekspresi terhadap muzik yang didengar	Murid boleh : KE 1.4.2 Membezakan tempo dari muzik yang didengar KE 1.4.3 Membezakan dinamik kuat dan lembut dari muzik yang didengar
KE 2.0 DRAMA		
KE 2.1 Melakonan pelbagai watak	Murid boleh : KE 2.1.1 Melakonan watak menggunakan imaginasi	Murid boleh : KE 2.1.2 Melakonan watak berdasarkan cerita

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KE 3.0 SENI VISUAL		
KE 3.1 Mengetahui unsur seni (Persepsi Estetik)	Murid boleh : KE 3.1.1 Menyatakan unsur seni yang terdapat dalam persekitaran	Murid boleh : KE 3.1.2 Menyatakan unsur seni yang terdapat pada objek buatan manusia KE 3.1.3 Menyatakan unsur seni yang terdapat pada karya seni
KE 3.2 Mengetahui media dalam menghasilkan karya seni (Aplikasi Seni)	Murid boleh : KE 3.2.1 Menyatakan jenis media yang digunakan dalam penghasilan karya seni	Murid boleh : KE 3.2.2 Memilih media yang sesuai dalam penghasilan karya seni
KE 3.3 Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi Kreatif)	Murid boleh : KE 3.3.1 Mengeksplorasi media KE 3.3.2 Menghasilkan karya kreatif melalui aktiviti menggambar	Murid boleh : KE 3.3.3 Membuat corak dan rekaan mengikut kreativiti sendiri KE 3.3.4 Menghasilkan binaan kreatif KE 3.3.5 Menghasilkan kraf tradisional menggunakan pelbagai bahan KE 3.3.6 Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
KE 3.4 Menghargai karya seni (Apresiasi Seni)	Murid boleh : KE 3.4.1 Menceritakan hasil kerja sendiri	Murid boleh : KE 3.4.2 Menunjukkan penghargaan terhadap hasil kerja orang lain

GLOSARI

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
1.	alat improvisasi	Alat yang digunakan bagi menggantikan alat muzik sebenar bagi menghasilkan bunyi.
2.	bentuk	Bentuk adalah objek 3 dimensi.
3.	binaan	Membuat sesuatu dengan cara membina.
4.	dinamik	Kuat atau lembutnya sesuatu bunyi yang dihasilkan.
5.	kraf tradisional	Bidang ini boleh didefinisikan sebagai perusahaan (kerja seni) yang melibatkan kemahiran kerja tangan yang memerlukan daya cipta oleh masyarakat yang diwarisi turun temurun.
6.	media	Alat atau bahan yang digunakan untuk menghasilkan karya seni.
7.	melodi	susunan pic (tinggi,rendah dan sederhana) secara melintang.
8.	membentuk dan membuat binaan	Bidang ini menegaskan perkembangan persepsi murid terhadap aspek seni dari segi bentuk, ruang, struktur, imbalan dan kestabilan.
9.	membuat corak dan rekaan	Bidang ini merupakan suatu asas utama dalam menghasilkan sesuatu karya seni. Pada dasarnya, tanpa rekaan dan corak, hasil seni baik yang tradisional mahupun yang mengikut zaman akan tidak terhasil.
10.	menggambar	Bidang ini menegaskan perkembangan persepsi, kemahiran dan kemampuan murid terhadap aspek melukis serta kegiatan membuat gambar dengan pelbagai media dan teknik yang menekankan aspek ruang, struktur, imbalan dan komposisi.
11.	perkusi	Alat muzik yang dipalu, ketuk atau goncang untuk menghasilkan bunyi. Contohnya kompang, kerincing, kastenet dan tamborin.

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
12.	pic	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.
13.	repertoire	Koleksi lagu.
14.	rupa	Rupa ialah cantuman daripada garisan. Rupa terbahagi kepada rupa geometri dan rupa organik.
15.	tempo	Kelajuan sesuatu karya muzik. Contoh tempo cepat atau lambat.
16.	ton	Pelbagai jenis hasil bunyi.
17.	unsur seni	Unsur-unsur seni terdiri daripada garisan, warna, rupa, bentuk, jalinan dan ruang.

**TUNJANG
SAINS DAN TEKNOLOGI**

SAINS AWAL

Sains Awal menekankan pembentukan sikap dan penguasaan kemahiran proses sains melalui penyiasatan terhadap alam hidupan, alam bahan dan alam fizikal.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Sains Awal, murid boleh:

1. Mengembangkan sikap ingin tahu dan minat tentang dunia di sekeliling mereka.
2. Menguasai kemahiran saintifik dan berfikir secara kreatif dan kritis.
3. Mengamalkan sikap saintifik dan nilai murni.
4. Berinteraksi dan berkongsi maklumat serta menyelesaikan masalah.

Kemahiran proses sains ialah kemahiran yang diperlukan untuk mencari jawapan kepada sesuatu masalah atau membuat keputusan secara bersistem. Ia merupakan satu proses mental yang menggalakkan pemikiran secara kreatif, analitis dan sistematik. Kemahiran proses sains yang dikenal pasti untuk dikembangkan adalah memerhati, mengelas, mengukur, membuat inferens, meramal dan berkomunikasi.

- a) **Memerhatikan** ialah menggunakan deria penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa atau bau untuk mengumpul maklumat tentang objek dan fenomena.
- b) **Mengelaskan** ialah membuat pemerhatian untuk mengasing dan mengumpulkan objek atau fenomena berdasarkan ciri yang sama.
- c) **Mengukur** ialah membuat pemerhatian secara kuantitatif dengan menggunakan unit bukan piawai. Unit bukan piawai ialah sebarang ukuran yang digunakan sebagai unit rujukan. Contohnya :
 - i. Bahagian badan seperti jengkal, tapak kaki, depa dan genggam
 - ii. Objek seperti pen, klip kertas, lidi, sudu dan cawan.

- d) **Membuat inferens** ialah membuat kesimpulan awal yang munasabah, yang mungkin benar atau tidak benar untuk menerangkan sesuatu peristiwa atau pemerhatian.
- e) **Meramalkan** ialah membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang lalu atau berdasarkan data.
- f) **Berkomunikasi** ialah menerima, memilih, menyusun dan mempersembahkan maklumat atau idea dalam bentuk tulisan, lisan, jadual, graf, rajah atau model.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 1.0 SIKAP SAINTIFIK		
SA 1.1 Menunjukkan sikap saintifik dan nilai murni	Murid boleh : SA 1.1.1 Menunjukkan sikap ingin tahu dan bekerjasama	Murid boleh : SA 1.1.2 Menunjukkan sikap ingin tahu, sistematik, bekerjasama dan bertanggungjawab
SA 2.0 KEMAHIRAN PROSES SAINS		
SA 2.1 Membuat pemerhatian menggunakan kelima-lima deria	Murid boleh : SA 2.1.1 Memerhati persekitaran menggunakan deria: (i) penglihatan (ii) pendengaran (iii) sentuhan (iv) bau (v) rasa	Murid boleh : SA 2.1.2 Memerhati persekitaran menggunakan gabungan dua deria SA 2.1.3 Memerhati persekitaran menggunakan gabungan tiga atau lebih deria

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 2.2 Mengelaskan objek	Murid boleh : SA 2.2.1 Membanding dan membeza objek-objek mengikut satu ciri: (i) warna (ii) bentuk (iii) saiz (iv) tekstur (v) berat	Murid boleh : SA 2.2.2 Membanding dan membeza objek-objek yang mempunyai dua ciri yang sama SA 2.2.3 Mengumpul objek mengikut ciri yang dikenal pasti SA 2.2.4 Menyatakan ciri sepunya untuk setiap pengelasan yang telah dibuat
SA 2.3 Membuat pengukuran	Murid boleh : SA 2.3.1 Membanding ukuran objek (i) panjang - pendek (ii) tebal - nipis (iii) besar - kecil (iv) tinggi - rendah (v) berat - ringan SA 2.3.2 Mengukur panjang atau tinggi objek menggunakan satu unit bukan piawai	Murid boleh : SA 2.3.3 Mengukur panjang atau tinggi objek menggunakan dua atau lebih unit bukan piawai SA 2.3.4 Menimbang objek menggunakan unit bukan piawai SA 2.3.5 Menyukat cecair menggunakan unit bukan piawai

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 2.4 Membuat inferens	Murid boleh : SA 2.4.1 Membuat andaian yang mudah dan munasabah berdasarkan pemerhatian	Murid boleh : SA 2.4.2 Membuat andaian yang munasabah berdasarkan pemerhatian
SA 2.5 Meramal	Murid boleh : SA 2.5.1 Membuat ramalan terhadap situasi berdasarkan pengalaman yang lalu	Murid boleh : SA 2.5.2 Membuat ramalan apa yang akan berlaku berdasarkan aktiviti yang dijalankan
SA 2.6 Berkomunikasi	Murid boleh : SA 2.6.1 Menyatakan pemerhatian melalui hasil kerja atau lisan	Murid boleh : SA 2.6.2 Menerangkan pemerhatian melalui hasil kerja atau lisan SA 2.6.3 Membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian melalui hasil kerja atau lisan
SA 3.0 MENYIASAT ALAM HIDUPAN		
SA 3.1 Mengenal pasti benda hidup dan benda bukan hidup	Murid boleh : SA 3.1.1 Membezakan benda hidup dan benda bukan hidup	Murid boleh : SA 3.1.2 Mengenal pasti ciri-ciri benda hidup dan benda bukan hidup

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 3.2 Memperoleh pengetahuan asas tentang bahagian badan dan deria manusia	Murid boleh : SA 3.2.1 Mengenal pasti anggota badan	Murid boleh : SA 3.2.2 Menyatakan fungsi anggota badan SA 3.2.3 Mengenal pasti dan menyatakan fungsi setiap organ deria
SA 3.3 Membuat penerokaan ke atas haiwan	Murid boleh : SA 3.3.1 Menamakan haiwan SA 3.3.2 Menamakan bahagian tubuh haiwan SA 3.3.3 Mengecam bunyi haiwan SA 3.3.4 Memerhati dan meniru pergerakan haiwan	Murid boleh : SA 3.3.5 Mengenal pasti tempat tinggal haiwan SA 3.3.6 Membanding dan membeza haiwan mengikut makanan utamanya: (i) Haiwan yang makan daging (ii) Haiwan yang makan tumbuh-tumbuhan (iii) Haiwan yang makan daging dan tumbuhan SA 3.3.7 Memerhati dan menceritakan kitaran hidup haiwan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 3.4 Membuat pemerokaan ke atas tumbuh- tumbuhan	Murid boleh : SA 3.4.1 Mengenal pasti bahagian tumbuhan: (i) daun (ii) batang (iii) akar (iv) bunga (v) buah SA 3.4.2 Membandingkan bahagian tumbuhan berdasarkan ciri berikut: (i) warna (ii) saiz (iii) bentuk SA 3.4.3 Memerhati dan menamakan sayur-sayuran dan buah-buahan yang biasa dijumpai SA 3.4.4 Menyatakan keperluan tumbuhan untuk hidup melalui pemerhatian	Murid boleh : SA 3.4.5 Memerhati dan mengumpulkan bahagian tumbuhan berdasarkan ciri berikut: (i) warna (ii) saiz (iii) bentuk (iv) tekstur SA 3.4.6 Mengelaskan tumbuhan berdasarkan ciri tertentu SA 3.4.7 Memerhati dan merekodkan proses percambahan dan pertumbuhan biji benih

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
SA 4.0 MENYIASAT ALAM BAHAN		
SA 4.1 Meneroka sifat bahan	Murid boleh : SA 4.1.1 Menyiasat ke atas objek yang boleh tenggelam dan timbul	Murid boleh : SA 4.1.2 Memerihalkan proses perubahan keadaan air: (i) daripada air kepada ais dan sebaliknya (ii) daripada air kepada wap air dan sebaliknya SA 4.1.3 Menyiasat bahan yang boleh larut dalam air SA 4.1.4 Menyiasat bahan yang boleh menyerap air SA 4.1.5 Menyiasat tindakan magnet ke atas pelbagai objek
SA 5.0 MENYIASAT ALAM FIZIKAL		
SA 5.1 Meneroka alam fizikal dalam kehidupan seharian	Murid boleh : SA 5.1.1 Menyatakan pelbagai sumber cahaya SA 5.1.2 Merekod hasil pemerhatian terhadap bayang-bayang	Murid boleh : SA 5.1.3 Menyiasat kegunaan cahaya matahari dalam kehidupan seharian SA 5.1.4 Memerhati dan menceritakan keadaan cuaca yang berbeza

MATEMATIK AWAL

Matematik Awal membekalkan pengalaman awal matematik termasuk pranombor, konsep nombor, operasi nombor, nilai wang, konsep masa dan waktu, serta bentuk dan ruang kepada murid prasekolah.

Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Matematik Awal, murid boleh:

1. Memupuk minat dalam matematik melalui pelbagai aktiviti dan pengalaman seharian.
2. Menguasai konsep asas matematik.
3. Meningkatkan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah.

Konsep pranombor dalam pendidikan prasekolah terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu :

1. Padanan satu dengan satu adalah hubungan perkaitan satu dengan satu antara objek yang sama atau berbeza. Contoh padanan satu dengan satu adalah seperti berikut:
 - a) Memadan benda yang berpasangan yang sama seperti kasut.
 - b) Memadan benda yang berpasangan tetapi tidak sama seperti sudu dan garpu.
 - c) Memadan bilangan objek dengan simbol nombor.
2. Perbandingan ialah proses mengaitkan dua benda menggunakan ciri tertentu sebagai asas perbandingan. Contoh perbandingan ialah ukuran (panjang – pendek), saiz (besar – kecil), berat (berat – ringan) dan bilangan (banyak – sedikit).
3. Seriasi susunan lebih daripada dua objek mengikut turutan berdasarkan kriteria yang jelas.
4. Pola ialah corak tertentu dalam senarai nombor atau objek yang disusun.

5. Ketekalan merupakan satu aspek yang boleh dikaitkan dengan jisim, isipadu dan keluasan. Tujuan konsep ketekalan diperkenalkan adalah untuk memastikan murid-murid memahami ketekalan jisim dan isipadu walaupun diletakkan, disusun atau diatur di tempat atau keadaan yang berbeza.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
MA 1.0 PENGALAMAN PRANOMBOR		
MA 1.1 Memadankan objek	Murid boleh : MA 1.1.1 Memadankan objek berpasangan yang sama MA 1.1.2 Memadankan objek berpasangan yang tidak sama MA 1.1.3 Memadankan dua kumpulan objek yang mempunyai bilangan sama	Murid boleh : MA 1.1.4 Memadankan objek berdasarkan: (i) warna (ii) bentuk (iii) saiz
MA 1.2 Membandingkan kuantiti objek	Murid boleh : MA 1.2.1 Membandingkan dua kumpulan objek untuk menyatakan: (i) banyak atau sedikit (ii) sama banyak atau tidak sama banyak (iii) lebih atau kurang	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
MA 1.3 Membuat seriasi	Murid boleh : MA 1.3.1 Menyusun objek mengikut kriteria berikut: (i) kecil ke besar (ii) pendek ke panjang (iii) rendah ke tinggi (iv) nipis ke tebal dan sebaliknya	
MA 1.4 Mengecam dan membina pola	Murid boleh : MA 1.4.1 Mengecam dan menyatakan pola di persekitaran MA 1.4.2 Meniru pola	Murid boleh : MA 1.4.3 Melengkapkan pola yang diberi MA 1.4.4 Menghasilkan pola mengikut kreativiti sendiri
MA 1.5 Memahami konsep ketekalan		Murid boleh : MA 1.5.1 Menjelaskan ketekalan: (i) Panjang (ii) Jisim (iii) Isipadu

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
MA 2.0 KONSEP NOMBOR			
MA 2.1 Memahami nombor 1 hingga 10	Murid boleh :		Murid boleh :
	MA 2.1.1 Menyebut nombor 1 hingga 10 mengikut urutan		MA 2.1.8 Membilang secara tertib menaik dan menurun
	MA 2.1.2 Mengecam dan menyebut nombor secara rawak		MA 2.1.9 Menyusun kumpulan objek mengikut tertib menaik dan menurun
	MA 2.1.3 Memadankan angka dengan nama nombor		MA 2.1.10 Menulis nombor mengikut cara yang betul
	MA 2.1.4 Membilang objek		
	MA 2.1.5 Menggunakan bentuk seperti titik untuk mewakili bilangan objek		
	MA 2.1.6 Memadankan kumpulan objek dengan nombor		
	MA 2.1.7 Menyurih angka		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
MA 2.2 Mengetahui sifar		Murid boleh : MA 2.2.1 Menyebut angka sifar MA 2.2.2 Menulis angka sifar MA 2.2.3 Mengetahui maksud sifar
MA 2.3 Memahami nombor 11 hingga 20		Murid boleh : MA 2.3.1 Membilang terus dari 11 hingga ke 20 MA 2.3.2 Membandingkan: (i) 11 dengan 12 (12 adalah 1 lebih daripada 11) (ii) 12 dengan 13 (13 adalah 1 lebih daripada 12) dan seterusnya MA 2.3.3 Menulis nombor 11 hingga 20
MA 2.4 Memahami siri 10 hingga 100		Murid boleh : MA 2.4.1 Membilang nombor sepuluh – sepuluh secara tertib menaik dan menurun

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
MA 3.0 OPERASI NOMBOR			
MA 3.1	Menyelesaikan masalah operasi tambah dalam lingkungan 18	Murid boleh : MA 3.1.1 Menyatakan hasil tambah dua himpunan objek MA 3.1.2 Menyatakan hasil tambah berdasarkan situasi yang diberi dengan menggunakan objek	Murid boleh : MA 3.1.3 Menyatakan hasil tambah dengan membilang terus dari suatu nombor MA 3.1.4 Menulis dan menyatakan ayat matematik dengan menggunakan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) MA 3.1.5 Menambah dalam lingkungan fakta asas MA 3.1.6 Menyelesaikan masalah operasi tambah

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
MA 3.2	Menyelesaikan masalah operasi tolak dalam lingkungan 18	Murid boleh : MA 3.2.1 Mengeluarkan objek dari himpunan dan membilang baki MA 3.2.2 Menyatakan baki berdasarkan situasi yang diberi dengan menggunakan objek	Murid boleh : MA 3.2.3 Menulis dan menyatakan ayat matematik dengan menggunakan simbol tolak (-) dan sama dengan (=) MA 3.2.4 Menolak dalam lingkungan fakta asas MA 3.2.5 Menyelesaikan masalah operasi tolak
MA 4.0 NILAI WANG			
MA 4.1	Mengecam dan menggunakan wang yang berlainan nilai	Murid boleh : MA 4.1.1 Mengecam mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas	Murid boleh : MA 4.1.2 Menyusun nilai wang mengikut urutan MA 4.1.3 Menggunakan wang dalam pelbagai aktiviti

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
MA 5.0 KONSEP MASA DAN WAKTU			
MA 5.1	Memahami waktu dalam konteks kehidupan seharian	Murid boleh : MA 5.1.1 Menyatakan waktu dalam sehari MA 5.1.2 Menyusun peristiwa mengikut urutan masa MA 5.1.3 Menyatakan hari dalam seminggu mengikut urutan	Murid boleh : MA 5.1.4 Menyebut waktu dalam jam dengan menggunakan jam analog MA 5.1.5 Menyatakan bulan dalam setahun MA 5.1.6 Menghubungkan waktu dengan peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan dilakukan
MA 6.0 BENTUK DAN RUANG			
MA 6.1	Mengetahui kedudukan objek dalam ruang	Murid boleh : MA 6.1.1 Menyatakan kedudukan sesuatu objek dalam ruang MA 6.1.2 Meletakkan objek pada kedudukan tertentu	

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
MA 6.2	Menghasilkan binaan berdasarkan bentuk yang biasa dijumpai di persekitaran	Murid boleh : MA 6.2.1 Mengecam bentuk segiempat sama, segiempat tepat, segitiga dan bulatan MA 6.2.2 Menghasilkan corak berasaskan bentuk dua dimensi	Murid boleh : MA 6.2.3 Mengecam bentuk kuboid, kubus, piramid dan sfera MA 6.2.4 Menghasilkan bentuk baharu dari gabungan bentuk tiga dimensi
MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti	Murid boleh : MA 6.3.1 Membina satu lingkungan yang lengkap dan menceritakannya MA 6.3.2 Membina penghubung antara dua objek atau binaan dan menceritakannya MA 6.3.3 Membuat binaan menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti dan menceritakannya	Murid boleh : MA 6.3.4 Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti

GLOSARI

Bil.	Istilah	Maksud / Makna
1.	bentuk dua dimensi	Bentuk yang mempunyai panjang dan lebar.
2.	bentuk tiga dimensi	Bentuk yang mempunyai panjang, lebar dan kedalaman.
